- Untuk kembali ke item menu, tekan butang [◀].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks





4 Tamatkan proses penyediaan.

- Tekan butang [MENU].
- Skrin sebelum anda menekan butang [MENU] pada langkah 1 akan dipaparkan semula, menunjukkan pilihan yang dikonfigurasi oleh anda.



- Untuk membatalkan apa-apa perubahan tetapan yang tidak disengajakan, anda boleh memulihkan tetapan lalai kamera (83).


Menggunakan Skrin Menu

Konfigurasikan pelbagai fungsi kamera melalui skrin menu seperti berikut. Item menu dikumpulkan berdasarkan fungsinya pada tab, seperti penangkapan [CAMERA], main balik [REPLAY] dan seterusnya. Sila ambil perhatian bahawa item menu yang disediakan bergantung pada mod penangkapan atau main balik yang dipilih (110 – 113).





1 Akses skrin menu.

- Tekan butang [MENU].




2 Pilih tab.

- Gerakkan tuas zum untuk memilih tab.
- Selepas anda menekan butang [UP][DOWN] untuk memilih tab pada mulanya, anda boleh menukar antara tab dengan menekan butang [LEFT][RIGHT].



3 Pilih item menu.

- Tekan butang [UP][DOWN] untuk memilih item menu.
- Untuk pilihan dalam item menu yang tidak ditunjukkan, mula-mula tekan butang [MENU] atau [RIGHT] untuk menukar skrin dan kemudian tekan butang [UP][DOWN] untuk memilih item menu.
- Untuk kembali ke skrin sebelumnya, tekan butang [MENU].



Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P


5 Mod Main balik


6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks





4 Pilih pilihan.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih satu pilihan.

5 Tamatkan proses penyediaan.

- Tekan butang [MENU] untuk kembali ke skrin yang dipaparkan sebelum anda menekan butang [MENU] dalam langkah 1.



- Untuk membatalkan apa-apa perubahan tetapan yang tidak disengajakan, anda boleh memulihkan tetapan lalai kamera (83).

Paparan Penunjuk

Penunjuk di belakang kamera (3) menyala atau berkelip bergantung pada status kamera.

Warna	Status Penunjuk	Status Kamera
Hijau	Hidup	Bersambung ke komputer (90), atau paparan dimatikan (23, 79)
	Berkelip	Sedang bermula, merakam/membaca/menghantar imej, atau menangkap pendedahan lama (47)



- Apabila penunjuk berkelip hijau, jangan matikan kamera, buka penutup kad memori/bateri, goncang atau gerakkan kamera, ini mungkin merosakkan imej, kamera atau kad memori.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P


5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori


8 Lampiran

Indeks



Jam

Anda boleh memeriksa masa semasa.



- Tekan dan tahan butang [FUNC SET].
- Masa semasa muncul.
- Jika anda memegang kamera secara menegak semasa menggunakan fungsi jam, ia akan bertukar ke paparan menegak. Tekan butang [◀][▶] untuk menukar warna paparan.
- Tekan butang [FUNC SET] sekali lagi untuk membatalkan paparan jam.



- Apabila kamera dimatikan, tekan dan tahan butang [FUNC SET], kemudian tekan butang kuasa untuk memaparkan jam.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P


5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



2

Mod Auto

Mod senang bagi tangkapan mudah dengan kawalan yang lebih hebat

Menangkap dengan Tetapan yang Ditetapkan oleh Kamera

Untuk pemilihan automatik penuh pada tetapan optimum untuk suasana tertentu, biarkan kamera menentukan subjek dan keadaan penangkapan.

Penangkapan (Auto Pintar)

► Imej Pegun ► Filem



1 Hidupkan kamera.

- Tekan butang kuasa.
- Skrin permulaan dipaparkan.



2 Masuk ke mod [AUTO].

- Tekan butang [AUTO] beberapa kali sehingga [AUTO] dipaparkan.
- Halakan kamera ke arah subjek. Kamera akan berbunyi klik sedikit ketika ia menentukan pemandangan.
- Ikon yang mewakili mod pemandangan dan penstabilan imej dipaparkan pada bahagian kanan atas skrin (📖31, 📖32).
- Bingkai yang dipaparkan di sekitar subjek yang dikesan menandakan subjek tersebut sedang dalam fokus.



Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik


6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks





(1)



3 Gubah tangkapan.



- Untuk zum masuk dan membesarkan subjek, gerakkan tuas zum ke arah [🏔️] (telefoto), dan untuk zum keluar dari subjek, gerakkannya ke arah [🌳] (sudut lebar). (Bar zum (1) yang menunjukkan posisi zum dipaparkan.)
- Untuk zum masuk atau keluar dengan cepat, gerakkan tuas zum ke arah [🏔️] (telefoto) atau [🌳] (sudut lebar) dan untuk zum masuk atau keluar dengan perlahan, gerakkannya sedikit ke arah yang diinginkan.

4 Tangkap.


Menangkap Imej Pegun

1) Fokus.



- Tekan butang pengatup separuh ke bawah. Kamera akan berbunyi bip dua kali setelah fokus dan bingkai AF dipaparkan untuk menunjukkan kawasan imej yang dalam fokus.
- Beberapa bingkai AF dipaparkan ketika beberapa kawasan berada dalam fokus.



- Jika [Naikkan flash] dipaparkan, naikkan denyar dengan jari anda untuk menyediakannya untuk penggunaan. Jika anda lebih suka tidak menggunakan denyar, tekannya ke bawah dengan jari anda, ke dalam kamera.



(1)



2) Tangkap.

- Tekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah.
- Bunyi pengatup akan berbunyi ketika menangkap dan apabila anda menaikkan denyar dalam keadaan cahaya malap, denyar akan beryala secara automatik.
- Pastikan kamera tidak bergerak sehingga bunyi pengatup berhenti.
- Selepas memaparkan tangkapan anda, kamera akan kembali ke skrin penangkapan.

Merakam Filem

1) Mula merakam.

- Tekan butang filem. Kamera berbunyi bip sekali apabila rakaman bermula dan [●Rec] dipaparkan dengan masa berlalu (1).
- Bar hitam dipaparkan di hujung atas dan bawah skrin dan subjek akan dibesarkan sedikit. Bar hitam menunjukkan kawasan imej yang tidak dirakam.
- Bingkai yang dipaparkan di sekitar wajah yang dikesan menandakan wajah dikesan sedang dalam fokus.
- Sebaik sahaja rakaman bermula, jauhkan jari anda dari butang filem.

2) Tukarkan saiz subjek dan gubah semula tangkapan mengikut keperluan.

- Untuk menukar saiz subjek, ulangi operasi dalam langkah 3. Walau bagaimanapun, ambil perhatian bahawa bunyi operasi kamera akan dirakam. Sila ambil perhatian bahawa filem yang dirakam pada faktor zum ditunjukkan dalam warna biru akan kelihatan berbintik.
- Apabila anda menggubah semula tangkapan, fokus, kecerahan dan warna akan dilaraskan secara automatik.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks





3) Selesai merakam.

- Tekan butang filem sekali lagi untuk menghentikan rakaman. Ketika rakaman dihentikan, kamera berbunyi bip dua kali.
- Rakaman akan dihentikan secara automatik apabila kad memori menjadi penuh.

Imej Pegun/Filem



- Jika kamera dihidupkan ketika butang [DISP.] ditahan ke bawah, kamera tidak akan berbunyi lagi. Untuk mengaktifkan bunyi sekali lagi, tekan butang [MENU] dan pilih [Bisu] pada tab [FF] dan kemudian tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Padam].

Imej Pegun



- Ikon [G] yang berkelip memberi amaran bahawa imej mungkin kabur akibat goncangan kamera. Jika demikian, pasang kamera pada tripod atau gunakan cara yang lain untuk mencegah kamera bergerak.
- Jika tangkapan anda gelap walaupun denyar bernyala, gerak lebih dekat ke subjek itu. Untuk butiran tentang julat denyar, lihat "Julat Denyar" (📖116).
- Subjek mungkin terlalu dekat jika kamera hanya bip sekali apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah. Untuk butiran tentang julat pemfokusan (julat penangkapan), lihat "Julat Penangkapan" (📖116).
- Untuk mengurangkan mata merah dan membantu fokus, lampu boleh diaktifkan apabila menangkap dalam keadaan cahaya malap.
- Ikon [F] yang berkelip dipaparkan apabila anda cuba menangkap, menunjukkan bahawa tangkapan tidak mungkin sehingga denyar telah dicaskan semula. Penangkapan boleh diteruskan ketika denyar bersedia, maka tekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah dan tunggu atau lepaskan butang pengatup dan tekan sekali lagi.
- Walaupun anda boleh menangkap semula sebelum skrin penangkapan dipaparkan, tangkapan anda yang sebelumnya mungkin menentukan fokus, kecerahan dan warna yang digunakan.




- Anda boleh menukar jangka masa imej yang dipaparkan selepas penangkapan (📖40).

Filem



- Sebelum merakam filem, turunkan denyar dengan jari anda. Berhati-hati supaya tidak menyentuh mikrofon (1) apabila merakam filem. Membiarkan denyar dinaikkan atau menghalang mikrofon mungkin menghalang bunyi daripada dirakam atau menyebabkan rakaman suara teredam.



- Elakkan daripada menyentuh kawalan kamera selain daripada butang filem apabila merakam filem, kerana bunyi yang dihasilkan oleh kamera akan dirakam.
- Sebaik sahaja rakaman filem bermula, kawasan paparan imej bertukar dan subjek dibesarkan untuk membenarkan pembetulan bagi goncangan kamera yang kuat. Untuk menangkap subjek pada saiz sama yang dipaparkan sebelum menangkap, laraskan tetapan penstabilan imej (📖60).



- Rakaman audio ialah monoaural.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



Ikon Pemandangan

► Imej Pegun ► Filem

Dalam mod [AUTO], pemandangan penangkapan yang ditentukan oleh kamera ditunjukkan oleh ikon yang dipaparkan dan tetapan berkaitan akan dipilih secara automatik untuk fokus, kecerahan subjek dan warna yang optimum.

Latar belakang	Apabila Menangkap Orang			Warna Latar belakang Ikon
	Orang	Sedang Bergerak* ¹	Bayang pada Wajah* ¹	
Cerah				Kelabu
Cerah dan Cahaya belakang			–	
Dengan Langit Biru				Biru Muda
Langit Biru dan Cahaya belakang			–	
Lampu sorot				Biru Tua
Gelap				
Gelap, Menggunakan Tripod		–	–	

Latar belakang	Apabila Menangkap Subjek Lain			Warna Latar belakang Ikon
	Subjek Lain	Sedang Bergerak* ¹	Dalam Julat Dekat	
Cerah				Kelabu
Cerah dan Cahaya belakang				
Dengan Langit Biru				Biru Muda
Langit Biru dan Cahaya belakang				

Latar belakang	Apabila Menangkap Subjek Lain			Warna Latar belakang Ikon
	Subjek Lain	Sedang Bergerak* ¹	Dalam Julat Dekat	
Matahari terbenam			–	Jingga
Lampu sorot				Biru Tua
Gelap				
Gelap, Menggunakan Tripod		–	–	

*1 Tidak dipaparkan untuk filem.

*2 Dipaparkan dalam pemandangan gelap apabila kamera dipegang dengan pegun seperti dipasang pada tripod.



- Cuba menangkap dalam mod [P] (49) jika ikon pemandangan tidak padan dengan keadaan sebenar penangkapan atau jika tidak mungkin untuk menangkap dengan kesan, warna atau kecerahan yang anda jangkakan.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



Ikona Penstabilan Imej

► Imej Pegun ► Filem

Penstabilan imej yang optimum untuk keadaan penangkapan akan digunakan secara automatik (Intelligent IS). Selain itu, ikon berikut dipaparkan dalam mod [AUTO].

	Penstabilan imej untuk imej pegun (Normal)
	Penstabilan imej untuk imej pegun apabila menyerot (Menyerot)*
	Penstabilan imej untuk tangkapan makro. Semasa rakaman filem, dipaparkan dan penstabilan imej untuk rakaman filem makro digunakan (Hybrid IS).
	Penstabilan imej untuk filem, mengurangkan goncangan kamera yang kuat, seperti apabila merakam sambil berjalan (Dinamik)
	Penstabilan imej untuk goncangan kamera yang perlahan, seperti apabila merakam filem dengan telefoto (Dikuasakan)
	Tiada penstabilan imej, kerana kamera dipasangkan pada tripod atau dipegang stabil dengan cara lain. Walau bagaimanapun, semasa rakaman filem, dipaparkan dan penstabilan imej untuk menentang angin atau sumber getaran yang lain digunakan (IS Tripod).

* Dipaparkan apabila anda menyerot, mengikuti subjek yang sedang bergerak dengan kamera. Apabila anda mengikuti subjek yang bergerak secara mendatar, penstabilan imej hanya bertindak menentang goncangan kamera menegak dan penstabilan mendatar berhenti. Begitu juga, apabila anda mengikuti subjek yang bergerak secara menegak, penstabilan imej hanya berfungsi terhadap goncangan kamera mendatar.



- Untuk membatalkan penstabilan imej, tetapkan [Mod IS] ke [Padam] (60). Jika demikian, ikon IS tidak akan dipaparkan.

Bingkai Pada Skrin

► Imej Pegun ► Filem

Selepas anda menghalakan kamera ke arah subjek dan kamera mengesan subjek itu, pelbagai bingkai akan dipaparkan.

- Bingkai putih dipaparkan di sekeliling subjek (atau wajah seseorang) yang ditentukan oleh kamera sebagai subjek utama dan bingkai kelabu dipaparkan di sekeliling wajah lain yang dikesan. Bingkai-bingkai mengikuti subjek yang bergerak dalam julat tertentu untuk mengekalkan mereka dalam fokus. Walau bagaimanapun, jika kamera mengesan pergerakan subjek, hanya bingkai putih dipaparkan pada skrin.
- Apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah dan kamera mengesan pergerakan subjek, bingkai biru akan dipaparkan dan fokus serta kecerahan imej akan dilaraskan secara berterusan (AF Servo).



- Cuba menangkap dalam mod 1 (49) jika tiada bingkai dipaparkan, jika bingkai tidak dipaparkan di sekeliling subjek diingini atau jika bingkai dipaparkan di latar belakang atau kawasan serupa.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks




Ciri-Ciri Mudah dan Biasa

► Imej Pegun ► Filem

Zum Lebih Dekat ke Subjek (Zum Digital)

Apabila subjek terlalu jauh untuk dibesarkan menggunakan zum optik, gunakan zum digital untuk pembesaran sehingga kira-kira 120x.




1 Gerakkan tuas zum ke arah [▲].

- Tahan tuas sehingga zum berhenti.
- Zum berhenti pada kemungkinan terbesar faktor zum (sebelum imej menjadi terlalu berbintik) dan ia akan ditunjukkan pada skrin.

2 Gerakkan tuas zum ke arah [▲] sekali lagi.

- (1) adalah faktor zum semasa.
- Kamera zum masuk dengan lebih dekat kepada subjek.



- Menggerakkan tuas zum akan memaparkan bar zum (yang menunjukkan posisi zum). Warna bar zum akan bertukar bergantung pada julat zum.
 - Julat putih: julat zum optik yang mana imej tidak akan kelihatan berbintik.
 - Julat kuning: julat zum digital yang mana imej kelihatan tidak terlalu berbintik (ZumPlus).
 - Julat biru: julat zum digital yang mana imej akan kelihatan berbintik.
- Kerana julat biru tidak tersedia pada sesetengah tetapan resolusi (37), faktor zum maksimum boleh dicapai dengan mengikut langkah 1.



- Untuk menyahaktifkan zum digital, pilih MENU (25) ► tab [📷] ► [Digital Zoom] ► [Padam].

Menggunakan Pemasa Kendiri

► Imej Pegun ► Filem

Dengan pemasa kendiri, anda boleh memasukkan diri sendiri ke foto berkumpul atau tangkapan pemasa lain. Kamera akan menangkap kira-kira 10 saat selepas anda menekan butang pengatup.



1 Konfigurasikan tetapan.

- Tekan butang [▼], tekan butang [▲][▼] untuk memilih [🕒] dan kemudian tekan butang [📷].
- Sebaik sahaja tetapan selesai, [🕒] dipaparkan.

2 Tangkap.

- Untuk Imej Pegun: Tekan butang pengatup separuh ke bawah untuk fokus pada subjek dan kemudian tekan butang itu sepenuhnya ke bawah.
- Untuk Filem: Tekan butang filem.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik


6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks





- Sebaik sahaja anda memulakan pemasa sendiri, lampu akan berkelip dan kamera akan memainkan bunyi pemasa sendiri.
- Dua saat sebelum tangkapan, kelipan dan bunyi akan dipercepatkan. (Lampu akan kekal bercahaya jika denyar bernyala.)
- Untuk membatalkan penangkapan selepas anda mencetuskan pemasa sendiri, tekan butang [MENU].
- Untuk memulihkan tetapan asal, pilih [↺] pada langkah 1.

Menggunakan Pemasa Kendiri untuk Mengelakkan Goncangan Kamera

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Pilihan ini menangguhkan pelepasan pengatup hingga kira-kira dua saat selepas anda telah menekan butang pengatup. Jika kamera goyah ketika anda menekan butang pengatup, ia tidak akan mempengaruhi tangkapan anda.



- Ikuti langkah 1 dalam “Menggunakan Pemasa Kendiri” (📖33) dan pilih [↺].
- Sebaik sahaja tetapan selesai, [↺] dipaparkan.
- Ikuti langkah 2 dalam “Menggunakan Pemasa Kendiri” (📖33) untuk menangkap.

Menyesuaikan Pemasa Kendiri

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Anda boleh menentukan tangguhan (0 – 30 saat) dan bilangan tangkapan (1 – 10).



1 Pilih [↺].

- Ikuti langkah 1 dalam “Menggunakan Pemasa Kendiri” (📖33), pilih [↺] dan tekan butang [MENU] dengan segera.

2 Konfigurasikan tetapan.

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [Tangguhan] atau [Imej].
- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih nilai dan kemudian tekan butang [⊕].
- Sebaik sahaja tetapan selesai, [↺] dipaparkan.
- Ikuti langkah 2 dalam “Menggunakan Pemasa Kendiri” (📖33) untuk menangkap.




- Bagi filem yang dirakam menggunakan pemasa sendiri, [Tangguhan] mewakili tangguhan sebelum rakaman bermula, tetapi tetapan [Imej] tidak memberi kesan.



- Apabila anda menentukan beberapa tangkapan, kecerahan imej dan white balance ditentukan oleh tangkapan pertama. Lebih banyak masa diperlukan antara tangkapan apabila denyar bernyala atau apabila anda telah menentukan untuk membuat banyak tangkapan. Penangkapan akan berhenti secara automatik apabila kad memori menjadi penuh.
- Apabila tangguhan yang lebih panjang daripada dua saat ditetapkan, lampu akan berkelip dan bunyi pemasa sendiri akan dipercepatkan dua saat sebelum tangkapan. (Lampu akan kekal bercahaya jika denyar bernyala.)

Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Main balik
6 Menu Tetapan
7 Aksesori
8 Lampiran
Indeks




Menambah Cop Tarikh

► Imej Pegun ► Filem

Kamera ini boleh menambah tarikh penangkapan kepada imej, di penjurua bawah kanan.

Walau bagaimanapun, ambil perhatian bahawa cop tarikh tidak boleh diedit atau dikeluarkan, jadi pastikan dahulu tarikh dan masa adalah betul (📖17).



1 Konfigurasikan tetapan.

- Tekan butang [MENU], pilih [Cop Tarikh] pada tab [📷] dan kemudian pilih pilihan yang diinginkan (📖25).
- Sebaik sahaja tetapan selesai, [📷] dipaparkan.



2 Tangkap.

- Semasa anda menangkap, kamera menambah tarikh atau masa penangkapan kepada imej di penjurua bawah kanan imej.
- Untuk memulihkan tetapan asal, pilih [Padam] pada langkah 1.



- Cop Tarikh tidak boleh diedit atau dikeluarkan.




- Tangkapan tanpa menambah cop tarikh boleh dicetak dengan cop tarikh seperti berikut. Namun, menambahkan cop tarikh dengan cara ini pada imej yang sudah mempunyai cop tarikh mungkin akan menyebabkannya dicetak dua kali.
 - Cetak menggunakan fungsi pencetak (📖92)
 - Gunakan tetapan cetak DPOF kamera (📖95) untuk mencetak
 - Gunakan perisian yang dimuat turun dari laman web Canon (📖89) untuk mencetak

Penangkapan Berterusan

► Imej Pegun ► Filem

Tahan butang pengatup sepenuhnya ke bawah untuk menangkap secara berterusan.

Untuk butiran tentang kelajuan penangkapan berterusan, lihat “Kelajuan Penangkapan Berterusan” (📖116).



1 Konfigurasikan tetapan.

- Tekan butang [FUNC SET], pilih [📷] dalam menu dan kemudian pilih [📷] (📖24).
- Sebaik sahaja tetapan selesai, [📷] dipaparkan.

2 Tangkap.

- Tahan butang pengatup sepenuhnya ke bawah untuk menangkap secara berterusan.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks





- Semasa penangkapan berterusan, fokus dan pendedahan dikunci di posisi/aras yang ditentukan apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah.
- Tidak boleh digunakan dengan pemasa sendiri (📖33).
- Penangkapan mungkin berhenti sebentar atau penangkapan gambar berterusan mungkin menjadi perlahan bergantung kepada keadaan penangkapan, tetapan kamera dan posisi zum.
- Apabila lebih banyak imej ditangkap, penangkapan mungkin menjadi perlahan.
- Penangkapan mungkin menjadi perlahan jika denyar menyala.

Ciri Penyesuaian Imej

Menukar Nisbah Bidang

► Imej Pegun ► Filem

Tukar nisbah bidang (nisbah lebar dan ketinggian) imej seperti berikut.



- Tekan butang [ⓘ], pilih **[4:3]** dalam menu dan pilih pilihan yang diinginkan (📖24).
- Sebaik sahaja tetapan telah selesai, nisbah bidang skrin akan dikemas kini.
- Untuk memulihkan tetapan asal, ulangi proses ini tetapi pilih **[4:3]**.

16:9	Nisbah bidang yang sama seperti HDTV skrin lebar.
3:2	Nisbah bidang yang sama dengan filem 35 mm, digunakan untuk mencetak imej yang saiznya 5 x 7 inci atau saiz poskad.
4:3	Nisbah bidang natif skrin kamera juga digunakan pada televisyen definisi standard atau peranti papar serupa atau digunakan untuk mencetak imej yang saiznya 3.5 x 5 inci atau saiz siri A.
1:1	Nisbah bidang segi empat sama.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



Menukar Resolusi Imej (Saiz)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Pilih dari 4 aras resolusi imej, seperti berikut. Untuk panduan tentang jumlah tangkapan pada setiap tetapan resolusi yang boleh disimpan dalam satu kad memori, lihat “Bilangan Tangkapan bagi setiap Kad Memori” (📖115).



- Tekan butang [FUNC./SET], pilih [L] dalam menu dan pilih pilihan yang diinginkan (📖24).
- Pilihan yang anda konfigurasi kini dipaparkan.
- Untuk memulihkan tetapan asal, ulangi proses ini tetapi pilih [L].




▶ Panduan untuk Memilih Resolusi Berdasarkan Saiz Kertas (untuk imej 4:3)

L	A2 (16.5 x 23.4 inci)
M1	A3 – A5 (11.7 x 16.5 – 5.8 x 8.3 inci)
M2	3.5 x 5 inci, 5 x 7 inci, Poskad
S	Untuk menghantar e-mel dan tujuan yang serupa

Pembetulan Mata Merah

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Mata merah yang berlaku dalam fotografi denyar boleh dibetulkan secara automatik seperti berikut.



1 Akses skrin [Settin Flash].

- Tekan butang [MENU], pilih [Settin Flash] pada tab [📷] dan tekan butang [FUNC./SET] (📖25).

2 Konfigurasi tetapan.

- Pilih [Koreksi Red-Eye] dan kemudian pilih [On] (📖25).
- Sebaik sahaja tetapan selesai, [FUNC./SET] dipaparkan.
- Untuk memulihkan tetapan asal, ulangi proses ini tetapi pilih [Padam].



- Pembetulan mata merah mungkin digunakan pada kawasan imej yang lain selain mata (misalnya, kamera menganggap solekan mata merah sebagai mata merah).



- Anda juga boleh membetulkan imej yang sedia ada (📖75).
- Anda juga boleh mengakses skrin dalam langkah 2 apabila denyar dinaikkan dengan menekan butang [▶] dan tekan butang [MENU] dengan segera.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks




Menukar Kualiti Imej Filem

► Imej Pegun ► Filem

2 tetapan kualiti imej tersedia. Untuk panduan tentang panjang maksimum filem pada setiap aras kualiti imej yang boleh dimuatkan pada kad memori, lihat "Masa Rakaman bagi setiap Kad Memori" (116).



- Tekan butang [FUNC], pilih [HD] dalam menu dan pilih pilihan yang diinginkan (24).
- Pilihan yang anda konfigurasi kini dipaparkan.
- Untuk memulihkan tetapan asal, ulangi proses ini tetapi pilih [HD].



Kualiti Imej	Resolusi	Kadar Bingkai	Terperinci
HD	1280 x 720	25 fps	Untuk rakaman dalam HD
VGA	640 x 480	30 fps	Untuk rakaman dalam definisi standard




- Dalam mod [HD], bar hitam yang dipaparkan di hujung atas dan bawah skrin menunjukkan kawasan imej yang tidak akan dirakam.

Ciri-Ciri Penangkapan Bermanfaat

Memaparkan Garisan Grid

► Imej Pegun ► Filem

Garisan grid boleh dipaparkan pada skrin untuk rujukan mendatar dan menegak semasa menangkap.



- Tekan butang [MENU], pilih [Garisan Grid] pada tab [CAMERA] dan kemudian pilih [On] (25).
- Sebaik sahaja tetapan selesai, garisan grid akan dipaparkan pada skrin.
- Untuk memulihkan tetapan asal, ulangi proses ini tetapi pilih [Padam].



- Garisan grid tidak dirakam dalam tangkapan anda.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran


Indeks



Membesarkan Kawasan dalam Fokus

► Imej Pegun ► Filem

Anda boleh periksa fokus dengan menekan butang pengatup separuh ke bawah, yang akan membesarkan kawasan imej dalam fokus dalam bingkai AF.



1 Konfigurasikan tetapan.

- Tekan butang [MENU], pilih [Titik zoom AF] pada tab [📷] dan kemudian pilih [On] (📖25).



2 Periksa Fokus.

- Tekan butang pengatup separuh ke bawah. Wajah yang dikesan sebagai subjek utama kini dibesarkan.
- Untuk memulihkan tetapan asal, pilih [Padam] pada langkah 1.



- Kawasan yang berada dalam fokus tidak dibesarkan dalam keadaan berikut apabila butang pengatup ditekan separuh ke bawah.
 - Jika wajah tidak dikesan, jika seseorang berada terlalu hampir dengan kamera dan wajah mereka terlalu besar untuk skrin atau jika kamera mengesan pergerakan subjek
 - Apabila zum digital digunakan (📖33)
 - Apabila Jejak AF digunakan (📖56)
 - Apabila TV digunakan sebagai paparan (📖87)

Memeriksa Mata Tertutup

► Imej Pegun ► Filem

☞ dipaparkan apabila kamera mengesan mata orang yang mungkin tertutup.



1 Konfigurasikan tetapan.

- Tekan butang [MENU], pilih [Deteksi kedip] pada tab [📷] dan kemudian pilih [On] (📖25).

2 Tangkap.

- ☞ beryala apabila kamera mengesan mata orang yang tertutup.
- Untuk memulihkan tetapan asal, pilih [Padam] pada langkah 1.



- Apabila anda telah menentukan berbilang tangkapan dalam mod [☞], fungsi ini hanya tersedia untuk tangkapan terakhir.
- Satu bingkai dipaparkan di sekeliling mata-mata orang tertutup apabila anda pilih [2 saat], [4 saat], [8 saat] atau [Tahan] dalam [Masa Paparan] (📖40).
- Ciri ini tidak tersedia dalam mod penangkapan gambar berterusan (📖35).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



Menyesuaikan Operasi Kamera


Sesuaikan fungsi penangkapan pada tab [📷] bagi skrin menu seperti berikut.

Untuk arahan tentang fungsi menu, lihat “Menggunakan Skrin Menu” (📖25).

Menyahaktifkan Lampu Bantuan AF

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Anda boleh menyahaktifkan lampu yang biasanya menyala untuk membantu anda memfokus apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah dalam keadaan cahaya malap.



- Tekan butang [MENU], pilih [Beam bantu AF] pada tab [📷] dan kemudian pilih [Padam] (📖25).
- Untuk memulih tetapan asal, ulangi proses ini tetapi pilih [On].

Menyahaktifkan Lampu Pengurang Mata Merah

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Anda boleh menyahaktifkan lampu pengurang mata merah yang menyala untuk mengurang mata merah apabila denyar digunakan dalam keadaan cahaya malap.



1 Akses skrin [Settin Flash].

- Tekan butang [MENU], pilih [Settin Flash] pada tab [📷] dan tekan butang [📖] (📖25).

2 Konfigurasikan tetapan.

- Pilih [Red-Eye Lamp] dan kemudian pilih [Padam] (📖25).
- Untuk memulih tetapan asal, ulangi proses ini tetapi pilih [On].

Menukar Gaya Paparan Imej selepas Tangkapan

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Anda boleh menukar jangka masa imej yang dipaparkan dan jenis maklumat yang dipaparkan selepas penangkapan.

Menukar Jangka Paparan Imej selepas Tangkapan



1 Akses skrin [Menyemk imej slps menangkap].

- Tekan butang [MENU], pilih [Menyemk imej slps menangkap] pada tab [📷] dan kemudian tekan butang [📖] (📖25).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



2 Konfigurasi tetapan.

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [Masa Paparan]. Tekan butang [◀][▶] untuk memilih pilihan yang diinginkan.
- Untuk memulih tetapan asal, ulangi proses ini tetapi pilih [Cepat].

Cepat	Paparkan imej hanya hingga anda boleh menangkap semula.
2 saat, 4 saat, 8 saat	Memaparkan imej sehingga masa yang ditentukan. Walaupun tangkapan sedang dipaparkan, anda boleh mengambil gambar yang lain dengan menekan butang pengatup separuh ke bawah sekali lagi.
Tahan	Memaparkan imej hingga anda menekan butang pengatup separuh ke bawah.
Padam	Tiada imej dipaparkan selepas tangkapan.

Menukar Skrin Dipaparkan selepas Tangkapan

Tukar gaya imej yang dipaparkan selepas tangkapan seperti berikut.



1 Tetapkan [Masa Paparan] ke [2 saat], [4 saat], [8 saat] atau [Tahan] (📖40).

2 Konfigurasi tetapan.

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [Info Paparan]. Tekan butang [◀][▶] untuk memilih pilihan yang diinginkan.
- Untuk memulihkan tetapan asal, ulangi proses ini tetapi pilih [Deaktif].

Deaktif	Hanya memaparkan imej.
Terperinci	Memaparkan butiran penangkapan (📖106).



- Apabila [Masa Paparan] (📖40) ditetapkan ke [Padam] atau [Cepat], [Info Paparan] akan ditetapkan ke [Deaktif] dan tidak boleh ditukar.
- Dengan menekan butang [DISP] sambil imej dipaparkan selepas penangkapan, anda boleh menukar maklumat paparan. Ambil perhatian bahawa tetapan [Info Paparan] tidak ditukar. Anda juga boleh memadam imej dengan menekan butang [▼] atau melindungi (📖67) atau tag imej sebagai kesukaan (📖72) dengan menekan butang (📖).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P


5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



3

Mod Penangkapan Lain

Tangkap secara lebih berkesan dalam pelbagai pemandangan dan ambil gambar dengan kesan imej unik atau dengan menggunakan fungsi khas

Penyesuaian Kecerahan / Warna (Kawalan Pandangan Langsung)

► Imej Pegun ► Filem

Kecerahan atau warna imej semasa menangkap boleh disesuaikan dengan mudah seperti berikut.



1 Masuk ke mod [LIVE].

- Tekan butang [AUTO] beberapa kali sehingga [LIVE] dipaparkan.



2 Konfigurasi tetap.

- Tekan butang [DISP] untuk mengakses skrin tetap. Tekan butang [▲][▼] untuk memilih item tetap dan kemudian tekan butang [◀][▶] untuk melaraskan nilai semasa anda melihat skrin.
- Tekan butang [⊙].

3 Tangkap.

Kecerahan	Bagi imej lebih cerah, laraskan aras ke kanan, dan untuk imej lebih gelap, laraskan ia ke kiri.
Warna	Bagi imej lebih terang, laraskan aras ke kanan dan untuk imej yang lebih gelap, laraskan ia ke kiri.
Ton	Bagi ton panas, kemerah-merahan, laraskan aras ke kanan dan untuk ton sejuk, kebiru-biruan, laraskan ia ke kiri.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P


5 Mod Main balik

6 Menu Tetap

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



Pemandangan Tertentu

Pilih mod yang sepadan dengan pemandangan penangkapan dan kamera akan mengkonfigurasi tetapan secara automatik untuk tangkapan optimum.



1 Pilih mod penangkapan.

- Tekan butang [AUTO] beberapa kali sehingga [LIVE] dipaparkan.
- Tekan butang [LIVE], pilih [LIVE] dalam menu dan pilih pilihan yang diinginkan (📖24).

2 Tangkap.

📷 Tangkap Potret (Potret)

▶ Imej Pegun ▶ Filem



- Ambil gambar orang dengan kesan melembut.

📷 Tangkap di bawah Cahaya Malap (Cahaya Malap)

▶ Imej Pegun ▶ Filem



- Tangkap dengan goncangan kamera dan subjek yang minimum walaupun dalam keadaan cahaya malap.



📷 Tangkap dengan Latar Belakang Bersalji (Salji)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

- Tangkapan orang dengan warna yang terang dan semula jadi berlatar belakang salji.



📷 Tangkap Bunga api (Bunga api)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

- Tangkapan bunga api yang terang.



- Dalam mod [📷], pasang kamera pada tripod atau ambil langkah lain untuk memastikan kamera tetap stabil dan mengelakkan goncangan kamera. Selain itu, anda harus menetapkan [Mod IS] ke [Padam] apabila menggunakan tripod atau ambil langkah lain untuk memasang kamera dengan kukuh (📖60).



- Resolusi dalam mod [📷] adalah 4M (2304 x 1728) dan tidak boleh ditukar.
- Dalam mod [📷], walaupun tiada bingkai dipaparkan apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah, fokus optimum masih ditentukan.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



Menggunakan Kesan Khas

Tambah pelbagai kesan ke imej apabila menangkap.

1 Pilih mod penangkapan.

- Ikuti langkah 1 dalam “Pemandangan Tertentu” (43) untuk memilih mod penangkapan.

2 Tangkap.

Tangkap dalam Warna yang Terang (Sangat Terang)

▶ Imej Pegun ▶ Filem



- Tangkapan dalam warna yang kaya dan terang.



Tangkapan dengan kesan Poster (Kesan Poster)

▶ Imej Pegun ▶ Filem



- Tangkapan seperti ilustrasi atau lukisan yang lama.




- Dalam mod  dan , cuba ambil beberapa gambar ujian terlebih dahulu untuk memastikan anda memperoleh hasil yang diinginkan.

Menangkap dengan Kesan Lensa Mata Ikan (Kesan Mata Ikan)



▶ Imej Pegun ▶ Filem


Tangkap dengan kesan herot lensa mata ikan.

1 Pilih .

- Ikuti langkah 1 dalam “Pemandangan Tertentu” (43) dan pilih .

2 Pilih satu aras kesan.

- Tekan butang [DISP], tekan butang   untuk memilih aras kesan dan kemudian tekan butang [DISP] sekali lagi.
- Pratonton menunjukkan bagaimana tangkapan anda akan kelihatan apabila menggunakan kesan tersebut.



3 Tangkap.



- Cuba ambil beberapa gambar ujian terlebih dahulu, untuk memastikan anda memperoleh hasil yang diinginkan.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



Tangkapan seperti Model Miniatur (Kesan Miniatur)

► Imej Pegun ► Filem

Mencipta kesan model miniatur dengan mengaburkan kawasan imej di atas dan bawah kawasan pilihan anda. Anda boleh juga membuat filem seperti pemandangan dari model miniatur dengan memilih kelajuan main balik sebelum filem dirakam. Orang dan objek dalam pemandangan ini akan bergerak dengan cepat semasa main balik. Sila ambil perhatian bahawa bunyi tidak dirakam.

1 Pilih [📷].

- Ikuti langkah 1 dalam "Pemandangan Tertentu" (📖43) dan pilih [📷].
- Bingkai putih dipaparkan, menunjukkan kawasan imej yang tidak akan dikaburkan.



2 Pilih kawasan untuk dikekalkan dalam fokus.

- Tekan butang [DISP].
- Gerakkan tuas zum untuk menukar saiz bingkai dan tekan butang [▲][▼] untuk menggerakkannya.



3 Bagi filem, pilih kelajuan main balik filem.

- Tekan butang [MENU] dan kemudian tekan butang [◀][▶] untuk memilih kelajuan.

4 Kembali ke skrin penangkapan dan tangkap.

- Tekan butang [MENU] untuk kembali ke skrin penangkapan dan kemudian tangkap.

Kelajuan Main balik dan Anggaran Masa Main balik (untuk Klip Satu Minit)

Kelajuan	Masa Main balik
5x	Kira-kira 12 saat
10x	Kira-kira 6 saat
20x	Kira-kira 3 saat



- Zum tidak tersedia apabila merakam filem. Pastikan untuk menetapkan zum sebelum merakam.
- Cuba ambil beberapa gambar ujian terlebih dahulu, untuk memastikan anda memperoleh hasil yang diinginkan.



- Untuk menukar orientasi bingkai (daripada melintang kepada menegak atau sebaliknya), tekan butang [📷] dalam langkah 2. Anda boleh menggerakkan bingkai dalam orientasi menegak dengan menekan butang [◀][▶].
- Memegang kamera dengan menegak akan menukarkan orientasi bingkai.
- Kualiti imej filem adalah [EVC] pada nisbah bidang [4:3] dan [HD] pada nisbah bidang [16:9] (📖36). Tetapan kualiti ini tidak boleh ditukar.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



Menangkap dengan Kesan Kamera Mainan (Kesan Kamera Mainan)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Kesan ini menjadikan imej seperti tangkapan daripada kamera mainan dengan mengaburkan tepi (sudut imej kabur, lebih gelap) dan menukar warna keseluruhan.

1 Pilih [📷].

- Ikuti langkah 1 dalam “Pemandangan Tertentu” (📖43) dan pilih [📷].



2 Pilih ton warna.

- Tekan butang [DISP], tekan butang [◀][▶] untuk memilih ton warna dan kemudian tekan butang [DISP] sekali lagi.
- Pratonton menunjukkan bagaimana tangkapan anda akan kelihatan apabila menggunakan kesan tersebut.

3 Tangkap.

Standard	Tangkapan seperti imej daripada kamera mainan.
Panas	Imej mempunyai ton lebih panas daripada [Standard].
Sejuk	Imej mempunyai ton lebih sejuk daripada [Standard].



- Cuba ambil beberapa gambar ujian terlebih dahulu, untuk memastikan anda memperoleh hasil yang diinginkan.

Menangkap dalam Monokrom

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Tangkap imej dalam hitam dan putih, sepia atau biru dan putih.

1 Pilih [📷].

- Ikuti langkah 1 dalam “Pemandangan Tertentu” (📖43) dan pilih [📷].

2 Pilih ton warna.

- Tekan butang [DISP], tekan butang [◀][▶] untuk memilih ton warna dan kemudian tekan butang [DISP] sekali lagi.
- Pratonton menunjukkan bagaimana tangkapan anda akan kelihatan apabila menggunakan kesan tersebut.



3 Tangkap.

B/W	Tangkapan hitam dan putih.
Sepia	Tangkapan ton sepia.
Biru	Tangkapan biru dan putih.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



Mod Khas untuk Tujuan Lain

Menggunakan Pemasa Kendiri Wajah

► Imej Pegun ► Filem

Kamera akan menangkap kira-kira dua saat selepas mengesan bahawa wajah orang lain (seperti jurugambar) telah memasuki kawasan penangkapan (📖56). Ini berguna apabila anda termasuk dalam foto kumpulan atau tangkapan lain yang serupa.



1 Pilih [🕒].

- Ikuti langkah 1 dalam “Pemandangan Tertentu” (📖43) dan pilih [🕒].

2 Gubah tangkapan dan tekan butang pengatup separuh ke bawah.

- Pastikan bahawa bingkai hijau dipaparkan di sekitar wajah yang anda fokuskan dan bingkai putih di sekitar wajah lain.

3 Tekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah.

- Kamera kini memasuki mod penangkapan tunggu sedia dan [Pandang tepat pada kamera utk mulakan kiraan] dipaparkan.
- Lampu berkelip dan bunyi pemasa sendiri dimainkan.



4 Sertai subjek di kawasan tangkapan dan lihat ke kamera.

- Selepas kamera mengesan wajah baharu, lampu berkelip dan bunyi pemasa sendiri akan dipercepatkan. (Apabila denyar menyala, lampu akan kekal bercahaya.) Selepas kira-kira dua saat, kamera akan menangkap.
- Untuk membatalkan penangkapan selepas anda mencetuskan pemasa sendiri, tekan butang [MENU].




- Walaupun wajah anda tidak dikesan selepas anda menyertai orang lain dalam kawasan tangkapan, kamera akan menangkap selepas kira-kira 15 saat.
- Untuk menukar bilangan tangkapan, selepas memilih [🕒] dalam langkah 1, tekan butang [DISP], tekan butang [◀][▶] untuk memilih bilangan tangkapan, dan kemudian tekan butang [DISP] sekali lagi. [Deteksi kedip] (📖39) hanya tersedia untuk tangkapan terakhir.

Menangkap Pendedahan Panjang (Pengatup Panjang)

► Imej Pegun ► Filem

Tentukan kelajuan pengatup selama 1 – 15 saat untuk menangkap pendedahan panjang. Dalam keadaan ini, pasangkan kamera pada tripod atau gunakan cara yang lain untuk mencegah goncangan kamera.



1 Pilih [⌘].

- Ikuti langkah 1 dalam “Pemandangan Tertentu” (📖43) dan pilih [⌘].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P


5 Mod Main balik


6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks





2 Pilih kelajuan pengatup.

- Tekan butang [▲], tekan butang [◀][▶] untuk memilih kelajuan pengatup dan kemudian tekan butang [⊞].

3 Periksa pendedahan.

- Tekan butang pengatup separuh ke bawah untuk melihat pendedahan bagi kelajuan pengatup pilihan anda.

4 Tangkap.



- Kecerahan imej pada skrin dalam langkah 3, apabila anda tekan butang pengatup separuh ke bawah, mungkin tidak sepadan dengan kecerahan tangkapan anda.
- Dengan kelajuan pengatup 1.3 saat atau lebih perlahan, tangguhan berlaku sebelum anda boleh menangkap sekali lagi, kerana kamera memproses imej untuk mengurangkan gangguan.
- Tetapkan [Mod IS] ke [Padam] apabila menggunakan tripod atau ambil langkah lain untuk memasang kamera dengan kukuh (60).



- Jika denyar menyala, tangkapan anda mungkin menjadi terlalu terdedah. Dalam keadaan ini, tetapkan denyar ke [⊞] dan tangkap sekali lagi (58).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P


5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



4

Mod P

Tangkapan yang lebih bijak dalam gaya penangkapan kesukaan anda

- Arahan dalam bab ini adalah untuk kamera apabila ia ditetapkan ke mod **[P]**.
- **[P]**: AE Program; AE: Pendedahan Automatik
- Sebelum menggunakan fungsi yang diperkenalkan dalam bab ini dalam mod selain daripada **[P]**, pastikan fungsi itu tersedia dalam mod itu (📖107).

Penangkapan dalam AE Program (Mod [P])

► Imej Pegun ► Filem

Anda boleh menyesuaikan banyak tetapan fungsi mengikut gaya penangkapan kesukaan anda.



1 Masuk ke mod **[P]**.

- Ikuti langkah 1 dalam “Pemandangan Tertentu” (📖43) dan pilih **[P]**.

2 Sesuaikan tetapan seperti yang diinginkan (📖50 – 📖60) dan kemudian tangkap.



- Jika pendedahan yang cukup tidak diperoleh apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah, kelajuan pengatup dan nilai aperture dipaparkan sebagai jingga. Dalam keadaan ini, cuba laraskan kelajuan ISO (📖51) atau aktifkan denyar (jika subjek gelap, 📖58), yang mungkin mengaktifkan pendedahan yang cukup.
- Filem juga boleh dirakam dalam mod **[P]** juga dengan menekan butang filem. Walau bagaimanapun, beberapa tetapan FUNC. (📖24) dan MENU (📖25) mungkin dilaraskan secara automatik untuk rakaman filem.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P


5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



Kecerahan Imej (Pendedahan)

Melaraskan Kecerahan Imej (Pampasan Pendedahan)

► Imej Pegun ► Filem

Pendedahan standard ditetapkan oleh kamera boleh dilaraskan dalam kenaikan hentian 1/3, dalam julat -2 hingga +2.



- Tekan butang [▲]. Sambil anda melihat skrin, tekan butang [◀][▶] untuk melaraskan kecerahan.
- Apabila merakam filem, rakam dengan bar pampasan pendedahan dipaparkan.
- Apabila menangkap imej pegun, tekan butang [⊕] untuk memaparkan jumlah pampasan pendedahan yang ditetapkan dan kemudian tangkap.




- Anda juga boleh menangkap imej pegun dengan bar pampasan pendedahan dipaparkan.
- Apabila merakam filem, [AEL] dipaparkan dan pendedahan dikunci.

Mengunci Kecerahan / Pendedahan Imej (Kunci AE)

► Imej Pegun ► Filem

Sebelum menangkap, anda boleh kunci pendedahan atau anda boleh menentukan fokus dan pendedahan secara berasingan.



1 Kunci pendedahan.

- Halakan kamera ke arah subjek untuk menangkap dengan pendedahan dikunci. Dengan butang pengatup ditekan separuh ke bawah, tekan butang [▲].
- [AEL] dipaparkan dan pendedahan dikunci.
- Untuk membuka kunci AE, lepaskan butang pengatup dan tekan butang [▲] sekali lagi. Dalam keadaan ini, [AEL] tidak dipaparkan lagi.

2 Gubah tangkapan dan tangkap.



- AE: Pendedahan Automatik

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P


5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran


Indeks



Menukar Kaedah Pemetran

► Imej Pegun ► Filem

Laraskan kaedah pemetran (bagaimana kecerahan diukur) untuk serasi dengan keadaan penangkapan seperti berikut.



- Tekan butang [☉], pilih [☉] dalam menu dan pilih pilihan yang diinginkan (📖24).
- Pilihan yang anda konfigurasi kini dipaparkan.

Evaluatif	Untuk keadaan penangkapan yang biasa termasuk tangkapan cahaya belakang. Pendedahan dilaraskan secara automatik untuk sepadan dengan keadaan penangkapan.
Pusat-rata tertimbang	Menentukan purata kecerahan cahaya bagi keseluruhan kawasan imej, diukur dengan mengutamakan kecerahan kawasan pusat.
Spot	Pemetran terhadap dalam [] (bingkai Titik Spot AE), dipaparkan di pusat skrin.

Menukar Kelajuan ISO

► Imej Pegun ► Filem



- Tekan butang [☉], pilih [ISO] dalam menu dan pilih pilihan yang diinginkan (📖24).
- Pilihan yang anda konfigurasi kini dipaparkan.

AUTO	Melaraskan kelajuan ISO secara automatik untuk serasi dengan keadaan dan mod penangkapan.	
100, 200	Rendah	Bagi menangkap di luar dalam cuaca yang baik.
400, 800	Sedikit Rendah	Bagi menangkap dalam keadaan mendung atau di waktu senja.
1600	Sedikit Tinggi	Bagi menangkap dalam pemandangan malam atau dalam bilik gelap.



- Untuk melihat kelajuan ISO yang ditentukan secara automatik apabila anda telah menetapkan kelajuan ISO ke [AUTO], tekan butang pengatup separuh ke bawah.
- Walaupun memilih kelajuan ISO yang lebih rendah mungkin mengurangkan bintik-bintik imej, ia mungkin meningkatkan risiko guncangan subjek dan kamera dalam beberapa keadaan penangkapan.
- Memilih kelajuan ISO yang lebih tinggi akan meningkatkan kelajuan pengatup yang mungkin mengurangkan guncangan subjek dan kamera serta menaikkan julat denyar. Walau bagaimanapun, tangkapan mungkin kelihatan berbintik.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



Membetulkan Kecerahan Imej (i-Contrast)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Sebelum menangkap, kawasan imej yang terlalu cerah atau gelap (seperti wajah atau latar belakang) boleh dikesan dan dilaraskan kepada kecerahan optimum secara automatik. Kekurangan kontras imej keseluruhan juga boleh dibetulkan secara automatik sebelum penangkapan untuk menjadikan subjek lebih menonjol.



- Tekan butang [MENU] pilih [i-Contrast] pada tab [📷] dan kemudian pilih [Auto] (📖25).
- Sebaik sahaja tetapan selesai, [📷] dipaparkan.



- Dalam beberapa keadaan penangkapan, pembetulan mungkin tidak tepat atau mungkin menyebabkan imej kelihatan berbintik.



- Anda juga boleh membetulkan imej yang sedia ada (📖75).

Warna Imej








Melaraskan White Balance

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Dengan melaraskan white balance (WB), anda boleh menjadikan warna imej kelihatan lebih semula jadi bagi pemandangan yang anda sedang menangkap.



- Tekan butang [WB] pilih [WB] dalam menu dan pilih pilihan yang diinginkan (📖24).
- Pilihan yang anda konfigurasi ini dipaparkan.

 Auto	Tetapkan white balance optimum secara automatik untuk keadaan penangkapan.
 Lampu siang	Bagi menangkap di luar dalam cuaca yang baik.
 Mendung	Bagi menangkap dalam cuaca mendung atau di waktu senja.
 Tungsten	Bagi menangkap di bawah pencahayaan pijar biasa.
 Pendarfluor	Bagi menangkap di bawah pencahayaan pendarfluor putih.
 Pendarfluor H	Bagi menangkap di bawah pencahayaan pendarfluor siang.
 Kustomisasi	Bagi menetapkan white balance tersuai secara manual (📖53).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



White Balance Tersuai

► Imej Pegun ► Filem

Untuk warna imej yang kelihatan semula jadi di bawah pencahayaan dalam tangkapan anda, laraskan white balance untuk serasi dengan sumber cahaya di tempat anda sedang menangkap. Tetapkan white balance di bawah sumber cahaya sama yang akan menerangi tangkapan anda.



- Ikuti langkah-langkah dalam “Melaraskan White Balance” (📖52) untuk memilih [WB].
- Halakan kamera pada subjek putih agar keseluruhan skrin adalah putih. Tekan butang [DISP].
- Seri warna skrin bertukar sebaik sahaja data white balance direkod.



- Warna mungkin kelihatan tidak semula jadi jika anda menukar tetapan kamera selepas merekod data white balance.

Menukar Ton Warna Imej (Warna Saya)

► Imej Pegun ► Filem

Tukar ton warna imej seperti yang diinginkan, seperti menukar imej ke sepia atau hitam dan putih.



- Tekan butang [WB], pilih [WB] dalam menu dan pilih pilihan yang diinginkan (📖24).
- Pilihan yang anda konfigurasi kini dipaparkan.

[WB Off]	Deaktif My Colors	–
[WB Vivid]	Vivid	Menonjolkan kontras dan saturasi warna, menjadikan imej lebih tajam.
[WB Neutral]	Neutral	Mengurangkan kontras dan saturasi warna untuk imej lembut.
[WB Sepia]	Sepia	Mencipta imej ton sepia.
[WB B/W]	B/W	Mencipta imej hitam dan putih.
[WB Filem]	Filem Positif	Menggabungkan kesan Biru Terang, Hijau Terang dan Merah Terang untuk menghasilkan warna terang namun kelihatan semula jadi yang menyerupai imej pada filem positif.
[WB Kulit Cerah]	Ton Kulit Cerah	Mencerahkan ton kulit.
[WB Kulit Gelap]	Ton Kulit Gelap	Menggelapkan ton kulit.
[WB Biru Terang]	Biru Terang	Menonjolkan biru dalam imej. Menjadikan langit, laut dan subjek biru lain lebih terang.
[WB Hijau Terang]	Hijau Terang	Menonjolkan hijau dalam imej. Menjadikan gunung-gunung, dedaun dan subjek hijau lain lebih terang.
[WB Merah Terang]	Merah Terang	Menonjolkan merah dalam imej. Menjadikan subjek merah lebih terang.
[WB Warna Tersuai]	Warna Tersuai	Laraskan kontras, ketajaman, saturasi warna dan kualiti lain seperti yang diinginkan (📖54).



- White balance (📖52) tidak boleh ditetapkan dalam mod [WB Sepia] atau [WB B/W].
- Dengan mod [WB Kulit Cerah] dan [WB Kulit Gelap], warna-warna selain ton kulit orang mungkin bertukar. Tetapan-tetapan ini mungkin tidak boleh menghasilkan kesan yang dijangkakan dengan beberapa ton kulit.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



Warna Tersuai

► Imej Pegun ► Filem

Pilih aras kontras imej, ketajaman, saturasi warna, merah, hijau, biru dan ton kulit yang diinginkan dalam julat 1 – 5.



1 Akses skrin tetapan.

- Ikuti langkah-langkah dalam “Menukar Ton Warna Imej (Warna Saya)” (📖53) untuk memilih [A] dan kemudian tekan butang [DISP].

2 Konfigurasikan tetapan.

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih satu pilihan, dan kemudian tentukan nilai dengan menekan butang [◀][▶].
- Bagi kesan yang lebih kuat/mendalam (atau ton kulit lebih gelap), laraskan nilai ke kanan. Bagi kesan yang lebih lemah/ringan (atau ton kulit lebih cerah), laraskan nilai ke kiri.
- Tekan butang [DISP] untuk melengkapkan tetapan.

Julat Penangkapan dan Fokus

Penangkapan Dekat (Makro)

► Imej Pegun ► Filem

Untuk menghadkan fokus kepada subjek di julat dekat, tetapkan kamera ke [🌻]. Untuk butiran tentang julat pemfokusan, lihat “Julat Penangkapan” (📖116).



- Tekan butang [📷], tekan butang [◀][▶] untuk memilih [🌻] dan kemudian tekan butang [📷].
- Sebaik sahaja tetapan selesai, [🌻] dipaparkan.



- Jika denyar menyala, kesan kabur tepi mungkin berlaku.
- Berhati-hati untuk mengelak lensa dari rosak.
- Dalam kawasan paparan pada bar kuning di bawah bar zum, [🌻] akan bertukar kelabu dan kamera tidak akan memfokus.



- Untuk mengelakkan goncangan kamera, cuba pasang kamera pada tripod dan menangkap dengan kamera ditetapkan ke [📷] (📖34).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P


5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



Menangkap Subjek Jauh (Infiniti)

► Imej Pegun ► Filem

Untuk menghadkan fokus kepada subjek-subjek yang jauh, tetapkan kamera ke [▲]. Untuk butiran tentang julat pemfokusan, lihat “Julat Penangkapan” (📖116).




- Tekan butang [◀], tekan butang [◀][▶] untuk memilih [▲] dan kemudian tekan butang [ⓘ].
- Sebaik sahaja tetapan selesai, [▲] dipaparkan.

Tele-Converter Digital

► Imej Pegun ► Filem

Jarak fokus lensa boleh ditingkatkan sebanyak kira-kira 1.6x atau 2.0x. Ini boleh mengurangkan goncangan kamera kerana kelajuan pengatup lebih cepat berbanding dengan jika anda zum (termasuk menggunakan zum digital) ke dalam faktor zum yang sama.



- Tekan butang [MENU], pilih [Digital Zoom] pada tab [📷] dan kemudian pilih pilihan yang diinginkan (📖25).
- Pemandangan dibesarkan dan faktor zum dipaparkan pada skrin.



- Tele-converter digital tidak boleh digunakan dengan zum digital (📖33) atau titik zoom AF (📖39).



- Kelajuan pengatup mungkin bersamaan apabila anda menggerakkan tuas zum sepenuhnya ke arah [▶] untuk telefoto maksimum dan apabila anda zum masuk untuk membesarkan subjek ke saiz sama mengikut langkah 2 dalam “Zum Lebih Dekat Ke Subjek (Zum Digital)” (📖33).

Menunjukkan Mod Bingkai AF

► Imej Pegun ► Filem

Tukar mod bingkai AF (fokus auto) untuk serasi dengan keadaan penangkapan seperti berikut.



- Tekan butang [MENU], pilih [Frame AF] pada tab [📷] dan kemudian pilih pilihan yang diinginkan (📖25).

Tengah

► Imej Pegun ► Filem

Satu bingkai AF dipaparkan di tengah. Berkesan untuk pemfokusan yang andal.



- Bingkai AF kuning dipaparkan dengan [!📷] jika kamera tidak boleh memfokus apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah.



- Untuk mengurangkan saiz bingkai AF, tekan butang [MENU] dan tetapkan [Saiz Frame AF] pada tab [📷] ke [Kecil] (📖25).
- Saiz bingkai AF ditetapkan ke [Normal] apabila anda menggunakan zum digital (📖33) atau tele-converter digital (📖55).
- Untuk mengubah tangkapan supaya subjek berada di pinggir atau penjuru, halakan kamera terlebih dahulu untuk memastikan subjek berada dalam bingkai AF dan kemudian tahan butang pengatup separuh ke bawah. Ketika anda terus menahan butang pengatup separuh ke bawah, gubah semula imej seperti yang diinginkan dan kemudian tekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah (Fokus Kunci).
- Posisi bingkai AF dibesarkan apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah dan [Titik zoom AF] (📖39) ditetapkan ke [On].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



AiAF Wajah

► Imej Pegun ► Filem

- Mengesan wajah-wajah orang dan kemudian menetapkan fokus, pendedahan (hanya pemeteran penilaian) dan white balance (hanya [AWB]).
- Selepas anda menghalakan kamera ke arah subjek, satu bingkai putih dipaparkan di sekitar wajah seorang yang ditentukan oleh kamera sebagai subjek utama dan sehingga dua bingkai kelabu dipaparkan di sekitar wajah lain yang dikesan.
- Apabila kamera mengesan pergerakan, bingkai-bingkai akan mengikuti subjek yang bergerak dalam satu julat tertentu.
- Selepas anda menekan butang pengatup separuh ke bawah, sehingga sembilan bingkai hijau dipaparkan di sekitar wajah-wajah dalam fokus.



- Jika wajah-wajah tidak dikesan atau apabila hanya bingkai-bingkai kelabu dipaparkan (tanpa bingkai putih), sehingga sembilan bingkai hijau dipaparkan di kawasan dalam fokus apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah.
- Jika wajah-wajah tidak dikesan apabila AF Servo (57) ditetapkan ke [On], bingkai AF dipaparkan di pusat skrin apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah.
- Contoh-contoh wajah yang tidak boleh dikesan:
 - Subjek yang jauh atau terlalu dekat
 - Subjek yang gelap atau terang
 - Wajah-wajah dari profil, pada satu sudut atau sebahagiannya tersembunyi
- Kamera mungkin menyalahafsirkan subjek bukan manusia sebagai wajah.
- Tiada bingkai-bingkai AF dipaparkan jika kamera tidak boleh memfokus apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah.

Pilih Subjek untuk Difokuskan (Jejak AF)

► Imej Pegun ► Filem

Tangkap selepas memilih subjek untuk difokuskan seperti berikut.

1 Pilih [Jejak AF].

- Ikuti langkah-langkah dalam “Menentukan Mod Bingkai AF” (55) untuk memilih [Jejak AF].
- [AF] dipaparkan di pusat skrin.

2 Pilih subjek untuk memfokus.

- Halakan kamera supaya [AF] berada pada subjek yang diinginkan dan kemudian tekan butang [AF].



- Apabila subjek dikesan, kamera berbunyi bip dan [AF] dipaparkan. Walaupun jika subjek bergerak, kamera akan terus menjejaki subjek dalam julat tertentu.
- Jika tiada subjek dikesan, [AF] dipaparkan.
- Untuk membatalkan penjejakan, tekan butang [AF] sekali lagi.

3 Tangkap.

- Tekan butang pengatup separuh ke bawah. [AF] menjadi [AF] biru yang mengikuti subjek semasa kamera terus melaraskan fokus dan pendedahan (AF Servo) (57).
- Tekan butang pengatup sepenuhnya ke bawah untuk menangkap.
- Walaupun selepas tangkapan anda, [AF] masih dipaparkan dan kamera terus menjejaki subjek.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P


5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks





- [Servo AF] (📖57) ditetapkan ke [On] dan tidak boleh ditukar.
- Penjejakan mungkin tidak boleh dilakukan apabila subjek terlalu kecil atau bergerak terlalu cepat atau apabila warna atau kecerahan subjek terlalu padan dengan latar belakang.
- [Titik zoom AF] pada tab 📷 (📖25) tidak tersedia.
- 📷 dan 📷 tidak tersedia.




- Kamera boleh mengesan subjek walaupun jika anda menekan butang pengatup separuh ke bawah tanpa menekan butang [◀]. Selepas tangkapan anda, [📷] dipaparkan di pusat skrin.

Penangkapan dengan AF Servo

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Mod ini membantu mengelakkan terlepas tangkapan subjek bergerak kerana kamera terus memfokus pada subjek dan melaraskan pendedahan selagi anda menekan butang pengatup separuh ke bawah.



1 Konfigurasi tetapan.

- Tekan butang [MENU], pilih [Servo AF] pada tab 📷 dan kemudian pilih [On] (📖25).

2 Fokus.

- Fokus dan pendedahan dikekalkan di mana bingkai AF biru dipaparkan ketika anda menekan butang pengatup separuh ke bawah.



- Pemfokusan mungkin tidak boleh dilakukan dalam beberapa keadaan penangkapan.
- Dalam keadaan cahaya malap, AF Servo mungkin tidak boleh diaktifkan (bingkai-bingkai AF mungkin tidak menjadi biru) apabila anda menekan butang pengatup separuh ke bawah. Dalam keadaan ini, fokus dan pendedahan ditetapkan mengikut mod bingkai AF yang ditentukan.
- Jika pendedahan yang cukup tidak boleh diperolehi, kelajuan pengatup dan nilai apertur dipaparkan sebagai jingga. Lepaskan butang pengatup dan kemudian tekan ia separuh ke bawah sekali lagi.
- Penangkapan kunci AF tidak tersedia.
- [Titik zoom AF] pada tab 📷 (📖25) tidak tersedia.
- Tidak tersedia apabila menggunakan pemasa sendiri (📖33).

Menukar Tetapan Fokus

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Anda boleh menukar operasi kamera lalai yang sentiasa memfokus pada subjek yang dihalakan walaupun apabila butang pengatup tidak ditekan. Sebaliknya, anda boleh menahkodkan pemfokusan kamera kepada detik anda menekan butang pengatup separuh ke bawah.



- Tekan butang [MENU], pilih [AF berterusan] pada tab 📷 dan kemudian pilih [Padam] (📖25).

On	Membantu anda mengelak terlepas peluang menangkap foto yang datang secara tiba-tiba kerana kamera sentiasa memfokus pada subjek sehingga anda menekan butang pengatup separuh ke bawah.
Padam	Memelihara kuasa bateri, kerana kamera tidak memfokus secara berterusan.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P


5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran


Indeks



Menangkap dengan Kunci AF

► Imej Pegun ► Filem

Fokus boleh dikunci. Selepas anda kunci fokus, posisi fokus tidak akan bertukar walaupun apabila anda melepaskan jari anda dari butang pengatup.



1 Kunci fokus.

- Dengan butang pengatup ditekan separuh ke bawah, tekan butang [AF-ON].
- Fokus kini dikunci dan [AF-L] dipaparkan.
- Untuk membuka kunci fokus, lepaskan butang pengatup dan tekan butang [AF-ON] sekali lagi. Dalam keadaan ini, [AF-L] tidak dipaparkan lagi.

2 Gubah tangkapan dan tangkap.

Denyar

Menukar Mod Denyar

► Imej Pegun ► Filem

Anda boleh tukar mod denyar untuk sepadan dengan pemandangan penangkapan. Untuk butiran tentang julat denyar, lihat “Julat Denyar” (116).

1 Naikkan Denyar.

2 Konfigurasikan tetapan.

- Tekan butang [ZOOM IN], tekan butang [ZOOM IN]/[ZOOM OUT] untuk memilih mod denyar dan kemudian tekan butang [OK].
- Pilihan yang anda konfigurasikan kini dipaparkan.



- Skrin tetapan tidak boleh diakses dengan menekan butang [ZOOM IN] apabila denyar diturunkan. Naikkan denyar dengan jari anda terlebih dahulu.

Auto

Bernyala secara automatik dalam keadaan cahaya malap.

Aktif

Bernyala bagi setiap tangkapan.

Synchro P'lahan

Bernyala untuk menerangi subjek utama (seperti orang) ketika menangkap pada kelajuan pengatup perlahan untuk menerangi latar belakang di luar julat denyar.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P


5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks





- Dalam mod [M], pasang kamera pada tripod atau ambil langkah lain untuk memastikan kamera tetap stabil dan mengelakkan guncangan kamera. Selain itu, anda harus menetapkan [Mod IS] ke [Padam] apabila menggunakan tripod atau ambil langkah lain untuk memasang kamera dengan kukuh (📖60).
- Dalam mod [M], walaupun selepas denyar menyala, pastikan bahawa subjek utama tidak bergerak sehingga bunyi pengatup selesai dimainkan.

Deaktif

Bagi menangkap tanpa denyar.




- Jika ikon [M] yang berkelip dipaparkan apabila anda tekan butang pengatup separuh ke bawah dalam keadaan kamera bergoyang dan cahaya malap, pasang kamera pada tripod atau ambil langkah lain untuk memastikan kamera stabil.

Menangkap dengan Kunci FE

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Seperti dengan kunci AE (📖50), anda boleh kunci pendedahan untuk tangkapan denyar.



1 Naikkan denyar dan tetapkan denyar ke [M] (📖58).

2 Kunci pendedahan denyar.

- Halakan kamera ke arah subjek untuk menangkap dengan pendedahan dikunci. Dengan butang pengatup ditekan separuh ke bawah, tekan butang [▲].
- Denyar menyala dan apabila [FE] dipaparkan, aras output denyar dikekalkan.
- Untuk membuka kunci FE, lepaskan butang pengatup dan tekan butang [▲] sekali lagi. Dalam keadaan ini, [FE] tidak dipaparkan lagi.

3 Gubah tangkapan dan tangkap.



- FE: Pendedahan Denyar

Tetapan Lain

Menukar Nisbah Mampatan (Kualiti Imej)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Pilih daripada dua nisbah mampatan, [S] (Sangat Halus) dan [L] (Halus), seperti berikut. Untuk panduan tentang jumlah tangkapan pada setiap nisbah mampatan yang boleh disimpan dalam satu kad memori, lihat “Bilangan Tangkapan bagi setiap Kad Memori” (📖115).



- Tekan butang [M], pilih [L] dalam menu dan pilih pilihan yang diinginkan (📖24).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori


8 Lampiran

Indeks



Menukar Tetapan Mod IS

► Imej Pegun ► Filem



1 Akses skrin tetapan.

- Tekan butang [MENU], pilih [Setin IS] pada tab [📷] dan tekan butang [⊕] (📖25).

2 Konfigurasikan tetapan.

- Pilih [Mod IS] dan kemudian pilih pilihan yang diinginkan (📖25).

Berterusan	Penstabilan imej optimum untuk keadaan penangkapan akan digunakan secara automatik (Intelligent IS) (📖32).
Tangkap Shj*	Penstabilan imej aktif hanya ketika detik penangkapan.
Padam	Menyahaktifkan penstabilan imej.

*Tetapan ditukar ke [Berterusan] untuk rakaman filem.



- Jika penstabilan imej tidak boleh mengelakkan goncangan kamera, pasangkan kamera pada tripod atau gunakan cara lain untuk memastikan kestabilan kamera. Dalam keadaan ini, tetapkan [Mod IS] ke [Padam].

Merakam Filem dengan Subjek Bersaiz Sama seperti Dipaparkan sebelum Penangkapan

► Imej Pegun ► Filem

Biasanya apabila rakaman filem bermula, kawasan paparan imej bertukar dan subjek dibesarkan untuk membenarkan pembetulan bagi goncangan kamera yang kuat. Untuk merakam subjek pada saiz sama seperti yang ditunjukkan sebelum merakam, anda boleh memilih untuk tidak mengurangkan goncangan kamera yang kuat.



- Ikuti langkah-langkah dalam “Menukar Tetapan Mod IS” (📖60) untuk mengakses skrin [Setin IS].
- Pilih [IS Dinamik] dan kemudian pilih [2] (📖25).



- Anda juga boleh menetapkan [Mod IS] ke [Padam] supaya subjek dirakam pada saiz yang sama seperti yang ditunjukkan sebelum merakam.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



5

Mod Main balik

Nikmati hasil tangkapan anda dan semak lalu atau edit imej dengan pelbagai cara

- Bagi menyediakan kamera untuk operasi ini, tekan butang [▶] untuk masuk ke mod Main balik.



- Imej yang telah dinamakan semula atau telah diedit dalam komputer atau imej dari kamera lain mungkin tidak boleh dimainkan balik atau diedit.

Melihat


▶ Imej Pegun ▶ Filem

Selepas menangkap imej atau merakam filem, anda boleh melihatnya pada skrin seperti berikut.




1 Masuk ke mod Main balik.

- Tekan butang [▶].
- Tangkapan terakhir anda dipaparkan.



2 Semak lalu imej anda.

- Untuk melihat imej sebelumnya, tekan butang [◀]. Untuk melihat imej berikutnya, tekan butang [▶].



- Untuk mengakses skrin ini (mod Paparan Tatal), tekan dan tahan butang [◀][▶] untuk sekurang-kurangnya satu saat. Dalam mod ini, putar dail [◀][▶] untuk menyemak lalu imej.
- Tekan butang [⊙] untuk kembali ke paparan imej tunggal.
- Untuk menyemak lalu imej yang dikumpulkan berdasarkan tarikh penangkapan, tekan butang [▲][▼] dalam mod Paparan Tatal.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P


5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori


8 Lampiran

Indeks





- Filem dikenal pasti dengan ikon [SET ▶]. Untuk memainkan filem, pergi ke langkah 3.



3 Main filem.

- Untuk mula main balik, tekan butang [⏮], tekan butang [▲][▼] untuk memilih [▶] dan kemudian tekan butang [⏮] sekali lagi.



4 Laraskan Volum

- Tekan butang [▲][▼] untuk melaras volum.
- Untuk melaras volum apabila penunjuk volum (1) tidak lagi dipaparkan, tekan butang [▲][▼].

(1)

5 Jeda main balik.

- Untuk menjeda atau menyambung semula main balik, tekan butang [⏸].
- Selepas filem tamat, [SET ▶] dipaparkan.



- Untuk menukar ke mod Penangkapan dari mod Main balik, tekan butang pengatup separuh ke bawah.
- Untuk menyahaktifkan Paparan Tatal, pilih MENU (ⓘ25) ▶ tab [▶] ▶ [Paparan tatal] ▶ [Padam].
- Untuk membolehkan tangkapan terkini dipaparkan apabila anda memasuki mod Main balik, pilih MENU (ⓘ25) ▶ tab [▶] ▶ [Sambungan] ▶ [Imej t'akhir].
- Untuk menukar peralihan yang ditunjukkan antara imej, akses MENU (ⓘ25) dan pilih kesan yang dikehendaki dalam tab [▶] ▶ [Transisi].

Menukar Mod Paparan

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Tekan butang [DISP] untuk melihat maklumat lain pada skrin atau untuk menyembunyikan maklumat. Untuk butiran tentang maklumat yang dipaparkan, lihat "Main balik (Paparan Maklumat Terperinci)" (ⓘ106).

	Tiada Maklumat Dipaparkan
	Paparan Maklumat Ringkas
	Paparan Maklumat Terperinci

■ Amaran Pendedahan Berlebih (untuk Sorotan Imej)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Bahagian terang pudar pada imej berkelip pada skrin dalam paparan maklumat terperinci (ⓘ62).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan


7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



Histogram



- Graf dalam paparan maklumat terperinci (📖62) adalah histogram yang menunjukkan pengagihan kecerahan pada imej. Paksi mendatar mewakili darjah kecerahan dan paksi menegak, mewakili jumlah imej yang ada dalam setiap tahap kecerahan. Melihat histogram adalah cara untuk memeriksa pendedahan.

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Semak lalu dan Menuras Imej

Mengemudi melalui Imej dalam Indeks


▶ Imej Pegun ▶ Filem

Dengan memaparkan berbilang imej dalam indeks, anda boleh menemui imej yang dicari dengan cepat.



1 Paparkan imej dalam indeks.

- Gerakkan tuas zum ke arah untuk memaparkan imej dalam indeks. Gerakan tuas sekali lagi akan meningkatkan jumlah imej yang ditunjukkan.
- Untuk mengurangkan bilangan imej yang dipaparkan, gerakkan tuas zum ke arah [Q]. Bilangan imej yang ditunjukkan akan semakin berkurang setiap kali anda menggerakkan tuas.



2 Pilih satu imej.

- Tekan butang [][][][] untuk memilih imej.
- Bingkai jingga dipaparkan di sekeliling imej yang dipilih.
- Tekan butang [] untuk melihat imej yang dipilih dalam paparan imej tunggal.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran





Indeks



Mencari Imej yang Sepadan dengan Syarat yang Ditentukan

► Imej Pegun ► Filem

Cari imej yang diinginkan dengan cepat dalam kad memori yang dipenuhi imej dengan menuras paparan imej mengikut syarat yang telah anda tentukan. Anda juga boleh lindung (📄67) atau hapus (📄69) semua imej ini sekali gus.

 Orang	Memaparkan imej dengan wajah yang dikesan.
 Hb diambil	Memaparkan imej yang ditangkap pada tarikh tertentu.
 Kesukaan	Memaparkan imej yang ditagkan sebagai kesukaan (📄72).
 Imej pegun/Video	Memaparkan hanya imej pegun atau filem.

1 Pilih syarat carian.

- Tekan butang [📄], pilih [👤] dalam menu dan pilih keadaan (📄24).
- Selepas anda memilih [📄] atau [👤], pilih syarat dengan menekan butang [▶][▼][◀][▶] pada skrin yang dipaparkan dan kemudian tekan butang [📄].

2 Lihat imej yang dituras.

- Imej yang sepadan dengan syarat anda dipaparkan dalam bingkai kuning. Untuk melihat hanya imej tersebut, tekan butang [◀][▶].
- Untuk membatalkan paparan turasan, pilih [👤] dalam langkah 1.



- Apabila kamera tidak menemui imej yang sesuai dengan sesetengah syarat, syarat tersebut tidak akan tersedia.



- Untuk memaparkan atau menyembunyikan maklumat, tekan butang [DISP] dalam langkah 2.
- Pilihan untuk melihat imej yang ditemui (dalam langkah 2) termasuk "Mengemudi melalui Imej dalam Indeks" (📄63), "Membesarkan Imej" (📄65) dan "Melihat Persembahan Slaid" (📄65). Anda juga boleh menggunakan operasi imej pada semua imej yang ditemui, dengan memilih [Lindungi Semua Imej Carian] dalam "Melindungi Imej" (📄67) atau [Pilih semua imej dlm carian] dalam "Memadam Berbilang Imej Sekali gus" (📄69), "Menambahkan Imej ke Senarai Cetak (DPOF)" (📄95) atau "Menambah Imej ke Buku Foto" (📄97).
- Jika anda mengedit dan menyimpan imej tersebut sebagai imej baharu (📄73 – 📄76), satu mesej dipaparkan dan imej yang ditemui tidak lagi dipaparkan.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran


Indeks



Pilihan Melihat Imej

Membesarkan Imej

► Imej Pegun ► Filem



(1)

1 Membesarkan imej.

- Gerakkan tuas zum ke arah [Q] akan zum masuk dan membesarkan imej dan [SET] dipaparkan. Anda boleh membesarkan imej sehingga kira-kira 10x dengan terus menahan tuas zum.
- Posisi anggaran kawasan dipaparkan (1) ditunjukkan sebagai rujukan.
- Untuk zum keluar, gerakkan tuas zum ke arah [Q]. Anda boleh kembali ke paparan imej tunggal dengan terus menahan tuas zum.

2 Gerakkan posisi paparan dan tukar imej mengikut keperluan.

- Untuk menggerakkan bingkai, tekan butang [▲][▼][◀][▶].
- Ketika [SET] dipaparkan, anda boleh menukar ke [SET] dengan menekan butang [Q]. Untuk bertukar ke imej yang lain ketika zum, tekan butang [◀][▶]. Tekan butang [Q] sekali lagi untuk mengembalikan tetapan asal.



- Anda boleh kembali ke paparan imej tunggal dari paparan dibesarkan dengan menekan butang [MENU].

Melihat Persembahan Slaid

► Imej Pegun ► Filem

Main balik imej secara automatik dari kad memori seperti berikut. Setiap imej dipaparkan kira-kira tiga saat.



- Tekan butang [Q], pilih [Q] dalam menu dan pilih pilihan yang diinginkan (24).
- Persembahan slaid akan bermula selepas [Pemuatan imej] dipaparkan untuk beberapa saat.
- Tekan butang [MENU] untuk menghentikan persembahan slaid.



- Fungsi jimat kuasa kamera (23) dinyahaktifkan semasa persembahan slaid.



- Untuk menjeda atau menyambung semula persembahan slaid, tekan butang [Q].
- Anda boleh menukar ke imej yang lain semasa main balik dengan menekan butang [◀][▶]. Untuk maju cepat atau mundur cepat, tahan butang [◀][▶] ke bawah.
- Dalam mod carian imej (64), hanya imej sepadan dengan syarat carian dipaparkan.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



Mengubah Tetapan Persembahan Slaid

Anda boleh menetapkan persembahan slaid supaya diulang semula dan anda boleh menukar peralihan antara imej dan tempoh paparan setiap imej.

1 Akses skrin tetapan.

- Tekan butang [MENU] dan kemudian pilih [Transisi Slaid] pada tab [▶] (📖25).



2 Konfigurasikan tetapan.

- Pilih satu item menu untuk dikonfigurasi dan kemudian pilih pilihan yang diinginkan (📖25).
- Untuk memulakan persembahan slaid dengan tetapan anda, pilih [Mula] dan tekan butang [⏪].
- Untuk kembali ke skrin menu, tekan butang [MENU].



- [Masa Main] tidak boleh diubah ketika [Buih] dipilih dalam [Efek].

Main balik Auto bagi Imej Berkaitan (Kocok Pintar)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Berdasarkan imej semasa, kamera menawarkan empat imej yang mungkin ingin anda lihat. Selepas anda memilih untuk melihat salah satu dari imej tersebut, kamera menawarkan empat gambar lagi. Ini adalah cara yang menyeronokkan untuk bermain balik imej dalam susunan yang tidak dijangka. Cuba ciri ini setelah anda mengambil banyak tangkapan, dalam pelbagai pemandangan.



1 Pilih Kocok Pintar.

- Tekan butang [⊕] dan pilih [👁] di dalam menu (📖24).
- Empat imej calon dipaparkan.

2 Pilih satu imej.

- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk memilih imej yang ingin anda lihat seterusnya.
- Imej yang dipilih oleh anda dipaparkan di tengah, dikelilingi oleh empat imej calon yang seterusnya.
- Untuk paparan skrin penuh imej tengah, tekan butang [⊕]. Untuk mengembalikan paparan asal, tekan butang [⊕] sekali lagi.
- Tekan butang [MENU] untuk mengembalikan paparan imej tunggal.



- Kocok Pintar tidak tersedia dalam keadaan berikut:
 - Kurang daripada 50 tangkapan diambil dengan kamera ini
 - Imej yang tidak disokong dipaparkan
 - Imej ditunjukkan dalam paparan penurasan (📖64)

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



Melindungi Imej

► Imej Pegun ► Filem

Lindungi imej yang penting untuk menghalang pepadaman yang tidak sengaja oleh kamera (📖69).



- Tekan butang [🔒] dan pilih [🔒] di dalam menu (📖24). [Dilindungi] dipaparkan.
- Untuk membatalkan perlindungan, ulangi proses ini dan pilih [🔒] sekali lagi dan kemudian tekan butang [🔒].




- Imej yang dilindungi pada kad memori akan dipadam jika anda memformat kad (📖80, 📖81).



- Imej yang dilindungi tidak boleh dipadam menggunakan fungsi pepadaman kamera. Untuk memadam imej tersebut dengan cara ini, batalkan perlindungan terlebih dahulu.

Menggunakan Menu



1 Akses skrin tetapan.

- Tekan butang [MENU] dan pilih [Lindung] pada tab (▶) (📖25).

2 Pilih Kaedah Pemilihan

- Pilih item menu dan pilihan seperti yang diinginkan (📖25).
- Untuk kembali ke skrin menu, tekan butang [MENU].

Memilih Imej secara Individu



1 Pilih [Pilih].

- Ikuti langkah 2 dalam “Menggunakan Menu” (📖67), pilih [Pilih] dan tekan butang [🔒].

2 Pilih satu imej.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih imej dan kemudian tekan butang [🔒]. [🔒] dipaparkan.
- Untuk membatalkan pemilihan, tekan butang [🔒] sekali lagi. [🔒] tidak dipaparkan lagi.
- Ulangi proses ini untuk menentukan imej yang lain.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P


5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks





3 Lindungi imej.

- Tekan butang [MENU]. Mesej pengesahan dipaparkan.
- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Ok] dan kemudian tekan butang [⊕].



- Imej tidak akan dilindungi jika anda menukar ke mod Penangkapan atau mematikan kamera sebelum menyelesaikan proses penyediaan dalam langkah 3.

Memilih Julat


1 Pilih [Pilih Julat].

- Ikuti langkah 2 dalam “Menggunakan Menu” (67), pilih [Pilih Julat] dan tekan butang [⊕].



2 Pilih imej permulaan.

- Tekan butang [⊕].
- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih imej dan kemudian tekan butang [⊕].



3 Pilih imej akhir.

- Tekan butang [▶] untuk memilih [Imej Terakhir] dan kemudian tekan butang [⊕].

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih imej dan kemudian tekan butang [⊕].
- Imej sebelum imej yang pertama tidak boleh dipilih sebagai imej terakhir.

4 Lindungi imej.

- Tekan butang [▼] untuk memilih [Lindungi] dan kemudian tekan butang [⊕].



- Untuk membatalkan perlindungan kumpulan imej, pilih [Membuka kunci] dalam langkah 4.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran


Indeks



Melindungi Semua Imej Sekali gus

1 Pilih [Lindungi Semua Imej].

- Ikuti langkah 2 dalam “Menggunakan Menu” (📖67), pilih [Lindungi Semua Imej] dan tekan butang [🔒].



2 Lindungi imej.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang [🔒].

Membuang Semua Perlindungan Sekali gus

Anda boleh membuang perlindungan daripada semua imej sekali gus. Untuk membuang perlindungan, pilih [Nyahliindung Semua Imej] dalam langkah 1 “Melindungi Semua Imej Sekali gus”, dan kemudian lengkapkan langkah 2.

Memadam Imej

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Anda boleh memilih dan memadam imej yang tidak diperlukan satu demi satu. Berhati-hati apabila memadam imej, kerana imej yang dipadam tidak boleh dikembalikan. Walau bagaimanapun, imej yang dilindungi (📖67) tidak boleh dipadam.

1 Pilih imej untuk dipadam.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih imej.

2 Padam imej.

- Tekan butang [▼].
- Selepas [Padam?] dipaparkan, tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Padam] dan kemudian tekan butang [🔒].
- Imej semasa kini dipadamkan.
- Untuk membatalkan pemadaman, tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Batal] dan kemudian tekan butang [🔒].



Memadam Berbilang Imej Sekali gus

Anda boleh memilih berbilang imej untuk dipadam sekali gus. Berhati-hati apabila memadam imej, kerana imej yang dipadam tidak boleh dikembalikan. Walau bagaimanapun, imej yang dilindungi (📖67) tidak boleh dipadam.

Memilih Kaedah Pemilihan

1 Akses skrin tetapan.

- Tekan butang [MENU] dan kemudian pilih [Padam] pada tab [▶] (📖25).



Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P


5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks





2 Pilih Kaedah Pemilihan

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih kaedah pilihan dan kemudian tekan butang [⊕].
- Untuk kembali ke skrin menu, tekan butang [MENU].

Memilih Imej secara Individu

1 Pilih [Pilih].

- Ikuti langkah 2 dalam “Memilih Kaedah Pemilihan” (📖69), pilih [Pilih] dan tekan butang [⊕].




2 Pilih satu imej.

- Sebaik sahaja anda memilih imej mengikut langkah 2 dalam “Memilih Imej secara Individu” (📖67), [✓] akan dipaparkan.
- Untuk membatalkan pemilihan, tekan butang [⊕] sekali lagi. [✓] tidak dipaparkan lagi.
- Ulangi proses ini untuk menentukan imej yang lain.

3 Padam imej.

- Tekan butang [MENU]. Mesej pengesahan dipaparkan.
- Tekan butang [⏪][⏩] untuk memilih [Ok] dan kemudian tekan butang [⊕].



Memilih Julat

1 Pilih [Pilih Julat].

- Ikuti langkah 2 dalam “Memilih Kaedah Pemilihan” (📖69), pilih [Pilih] dan tekan butang [⊕].

2 Pilih imej.

- Ikuti langkah 2 - 3 dalam “Memilih Julat” (📖68) untuk menentukan imej.

3 Padam imej.

- Tekan butang [▼] untuk memilih [Padam] dan kemudian tekan butang [⊕].




Menentukan Semua Imej Sekali gus

1 Pilih [Pilih semua imej].

- Ikuti langkah 2 dalam “Memilih Kaedah Pemilihan” (📖69), pilih [Pilih Semua imej] dan tekan butang [⊕].

2 Padam imej.

- Tekan butang [⏪][⏩] untuk memilih [Ok] dan kemudian tekan butang [⊕].



Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P


5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



Memutar Imej

► Imej Pegun ► Filem

Ubah orientasi imej dan simpannya seperti berikut.



1 Pilih [Q].

- Tekan butang [⊕] dan pilih [Q] di dalam menu (📖24).



2 Putar imej.

- Tekan butang [◀] atau [▶], bergantung pada arah yang diinginkan. Setiap kali anda menekan butang, imej diputar sebanyak 90°. Tekan butang [⊕] untuk melengkapkan tetapan.

Menggunakan Menu



1 Pilih [Putar].

- Tekan butang [MENU] dan pilih [Putar] pada tab (▶) (📖25).



2 Putar imej.

- Tekan butang [◀] [▶] untuk memilih imej.
- Imej diputar sebanyak 90° setiap kali anda menekan butang [⊕].
- Untuk kembali ke skrin menu, tekan butang [MENU].



- Putaran tidak berfungsi apabila [Putaran Auto] ditetapkan ke [Padam] (📖71).

Menyahaktifkan Putaran Auto

Ikuti langkah ini untuk menyahaktifkan putaran imej automatik, yang memutar imej mengikut orientasi semasa kamera.



- Tekan butang [MENU], pilih [Putaran Auto] pada tab [▶] dan kemudian pilih [Padam] (📖25).



- Imej tidak boleh diputar (📖71) apabila anda menetapkan [Putaran Auto] ke [Padam]. Selain itu, imej yang telah diputar akan dipaparkan dalam orientasi asal.
- Dalam mod Kocok Pintar (📖66), walaupun [Putaran Auto] ditetapkan ke [Padam], imej yang ditangkap secara menegak akan dipaparkan secara menegak dan imej yang diputar akan dipaparkan dalam orientasi yang diputar.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P


5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



Mengetag Imej sebagai Kesukaan

► Imej Pegun ► Filem


Anda boleh menyusun imej dengan mengetag imej tersebut sebagai kesukaan. Dengan memilih kategori dalam paparan penurunan, anda boleh menghadkan operasi berikut kepada semua imej tersebut.

- “Melihat” (📖61), “Melihat Persembahan Slaid” (📖65), “Melindungi Imej” (📖67), “Memadam Imej” (📖69), “Menambahkan Imej ke Senarai Cetak (DPOF)” (📖95), “Menambah Imej ke Buku Foto” (📖97)




- Tekan butang [👉] dan pilih [★] di dalam menu (📖24).
- [Tnda sbgi kesukaan] dipaparkan.
- Untuk membatalkan tag, ulangi proses ini dan pilih [★] sekali lagi dan kemudian tekan butang [👉].

Menggunakan Menu



1 Pilih [Kesukaan].

- Tekan butang [MENU] dan pilih [Kesukaan] pada tab [📖] (📖25).



2 Pilih satu imej.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih imej dan kemudian tekan butang [👉]. [★] dipaparkan.
- Untuk membatalkan tag imej tersebut, tekan butang [👉] sekali. [★] tidak dipaparkan lagi.
- Ulangi proses ini untuk memilih imej tambahan.

3 Tamatkan proses penyediaan.

- Tekan butang [MENU]. Mesej pengesahan dipaparkan.
- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Ok] dan kemudian tekan butang [👉].



- Imej tidak akan ditagkan sebagai kesukaan jika anda menukar ke mod Penangkapan atau matikan kamera sebelum menyelesaikan proses persediaan dalam langkah 3.



- Imej kesukaan akan mempunyai penarafan tiga bintang (★★★☆☆☆) apabila dipindahkan ke komputer yang menggunakan Windows 8 atau Windows 7. (Tidak digunakan untuk filem.)

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



Mengedit Imej Pegun



- Pengeditan imej (73 – 75) hanya tersedia apabila kad memori mempunyai ruang kosong yang mencukupi.

Menukar Saiz Imej

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Simpan imej salinan pada resolusi rendah.



1 Pilih [Tukar Saiz].

- Tekan butang [MENU] dan pilih [Tukar Saiz] pada tab (▶) (25).

2 Pilih satu imej.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih imej dan kemudian tekan butang [⊕].


3 Pilih saiz imej.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih saiz dan kemudian tekan butang [⊕].
- [Simpan imej baru?] dipaparkan.



4 Simpan imej baru.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang [⊕].
- Imej kini disimpan sebagai fail baru.



5 Semak imej baru.

- Tekan butang [MENU]. [Papar imej baru?] dipaparkan.
- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Ya] dan kemudian tekan butang [⊕].
- Imej yang disimpan kini dipaparkan.



- Pengeditan tidak boleh dilakukan untuk imej yang ditangkap pada resolusi [S] (37).



- Imej tidak boleh ditukar saiz ke resolusi yang lebih tinggi.

Memotong

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Anda boleh menentukan satu bahagian daripada imej untuk disimpan sebagai fail imej berasingan.




1 Pilih [Memotong].


- Tekan butang [MENU] dan kemudian pilih [Memotong] pada tab (▶) (25).

2 Pilih satu imej.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih imej dan kemudian tekan butang [⊕].



Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Main balik
6 Menu Tetapan
7 Aksesori
8 Lampiran
Indeks



3 Laraskan kawasan yang dipotong.

- Bingkai dipaparkan di sekeliling kawasan imej yang akan dipotong (1).
- Imej asal akan ditunjukkan di bahagian kiri atas, dan pratonton imej yang dipotong (2) ditunjukkan di bahagian kanan bawah. Anda juga boleh melihat resolusi selepas pemotongan (3).
- Untuk menukar saiz bingkai, gerakan tuas zum.
- Untuk menggerakkan bingkai, tekan butang [▲][▼][◀][▶].
- Untuk menukar orientasi bingkai, tekan butang [DISP].
- Wajah yang dikesan dalam imej dibingkaikan dalam bingkai kelabu di bahagian atas kiri imej. Untuk memotong imej mengikut bingkai ini, putar dail [⊕] untuk tukar ke bingkai yang lain.
- Tekan butang [MENU].

4 Simpan sebagai imej baru dan semak.

- Ikuti langkah 4 – 5 dalam “Menukar Saiz Imej” (📖73).



- Pengeditan tidak boleh dilakukan bagi imej yang ditangkap dengan resolusi [S] (📖37) atau ditukar saiz ke [S] (📖73).




- Imej yang disokong untuk pemotongan akan memiliki nisbah bidang yang sama setelah pemotongan.
- Imej yang dipotong akan mempunyai resolusi yang lebih rendah daripada imej yang tidak dipotong.

Menukar Ton Warna Imej (Warna Saya)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Anda boleh melaras warna imej dan menyimpan imej yang telah diedit sebagai fail yang berasingan. Untuk butiran bagi setiap pilihan, lihat “Menukar Ton Warna Imej (Warna Saya)” (📖53).



1 Pilih [My Colors].

- Tekan butang [MENU] dan kemudian pilih [My Colors] pada tab [▶] (📖25).

2 Pilih satu imej.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih imej dan kemudian tekan butang [⊕].

3 Pilih pilihan.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih pilihan dan kemudian tekan butang [⊕].

4 Simpan sebagai imej baru dan semak.

- Ikuti langkah 4 – 5 dalam “Menukar Saiz Imej” (📖73).



- Kualiti imej yang diedit berulang kali dengan cara ini akan berkurangan setiap kali diedit dan anda mungkin tidak boleh mendapatkan warna yang diinginkan.



- Warna imej yang diedit menggunakan fungsi ini mungkin berbeza sedikit daripada warna imej yang ditangkap menggunakan Warna Saya (📖53).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran


Indeks



Membetulkan Kecerahan Imej (i-Contrast)

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Kawasan imej gelap yang berlebihan (seperti wajah atau latar belakang) boleh dikesan dan dilaraskan secara automatik ke kecerahan optimum. Kontras imej keseluruhan yang tidak mencukupi juga dibetulkan secara automatik untuk membuatkan subjek lebih menonjol. Pilih daripada empat tahap pembetulan dan kemudian simpan imej sebagai fail berasingan.



1 Pilih [i-Contrast].

- Tekan butang [MENU] dan kemudian pilih [i-Contrast] pada tab [▶] (📖25).

2 Pilih satu imej.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih imej dan kemudian tekan butang [📷].

3 Pilih pilihan.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih pilihan dan kemudian tekan butang [📷].

4 Simpan sebagai imej baru dan semak.

- Ikuti langkah 4 – 5 dalam “Menukar Saiz Imej” (📖73).



- Bagi sesetengah imej, pembetulan mungkin tidak tepat atau mungkin menyebabkan imej kelihatan berbintik.
- Imej mungkin kelihatan berbintik setelah diedit berulang kali menggunakan fungsi ini.




- Jika [Auto] tidak menghasilkan hasil yang diinginkan, cuba betulkan imej menggunakan [Rendah], [Sederhana] atau [Tinggi].

Membetulkan Mata Merah

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Membetulkan imej yang dipengaruhi oleh mata merah secara automatik. Anda boleh menyimpan imej yang telah dibetulkan sebagai fail berasingan.



1 Pilih [Koreksi Red-Eye].

- Tekan butang [MENU] dan kemudian pilih [Koreksi Red-Eye] pada tab [▶] (📖25).

2 Pilih satu imej.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih imej.

3 Betulkan imej.

- Tekan butang [📷].
- Mata-merah yang dikesan oleh kamera kini telah dibetulkan dan bingkai dipaparkan di sekeliling kawasan imej yang dibetulkan.
- Besarkan atau kecilkan imej mengikut keperluan. Ikuti langkah dalam “Membesarkan Imej” (📖65).

4 Simpan sebagai imej baru dan semak.

- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk memilih [Fail Baru] dan kemudian tekan butang [📷].
- Imej kini disimpan sebagai fail baru.
- Ikuti langkah 5 dalam “Menukar Saiz Imej” (📖73).



- Sesetengah imej mungkin tidak dibetulkan dengan tepat.
- Untuk menulis ganti imej asal dengan imej yang dibetulkan, pilih [Simpan pd asal] dalam langkah 4. Dalam keadaan ini, imej asal akan dipadam.
- Imej dilindungi tidak boleh ditulis ganti.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran


Indeks




Mengedit Filem

► Imej Pegun ► Filem

Anda boleh memotong filem untuk mengeluarkan bahagian yang tidak diperlukan pada bahagian awal atau akhir.



(1)



(2)

1 Pilih [✂].

- Ikuti langkah 1 – 5 dalam “Melihat” (861), pilih [✂] dan tekan butang [⏏].
- Panel dan bar pengeditan filem kini dipaparkan.

2 Tentukan bahagian untuk dipotong.

- (1) ialah panel mengedit filem dan (2) ialah bar mengedit.
- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [⏏] atau [⏏].
- Untuk melihat bahagian yang boleh anda potong (dikenal pasti dengan [⏏] pada skrin), tekan butang [⏏][▶] untuk memindah [⏏]. Potong bahagian permulaan filem (dari [⏏]) dengan memilih [⏏] dan potong bahagian akhir filem dengan memilih [⏏].
- Jika anda memindahkan [⏏] ke posisi selain tanda [⏏], dalam [⏏] bahagian sebelum tanda [⏏] terdekat pada bahagian kiri akan dipotong, sementara pada [⏏] bahagian setelah tanda [⏏] terdekat pada bahagian kanan akan dipotong.



3 Semak filem yang telah diedit.

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [▶] dan kemudian tekan butang [⏏]. Filem yang diedit kini dimainkan.
- Untuk mengedit filem sekali lagi, ulangi langkah 2.
- Untuk membatalkan pengeditan, tekan butang [▲][▼] untuk memilih [⏏]. Tekan butang [⏏], tekan butang [⏏][▶] untuk memilih [Ok] dan kemudian tekan butang [⏏] sekali lagi.

4 Simpan filem yang diedit.

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [▶] dan kemudian tekan butang [⏏].
- Tekan butang [▲][▼][⏏][▶] untuk memilih [Fail Baru] dan kemudian tekan butang [⏏].
- Filem ini kini disimpan sebagai fail baru.



- Untuk menulis ganti filem asal dengan filem yang dipotong, pilih [Simpan pd asal] dalam langkah 4. Dalam keadaan ini, filem asal akan dipadankan.
- Jika ruang penyimpanan pada kad memori tidak mencukupi, hanya [Simpan pd asal] yang akan tersedia.
- Filem mungkin tidak disimpan jika pek bateri kehabisan kuasa ketika proses penyimpanan sedang berjalan.
- Apabila mengedit filem, anda harus menggunakan pek bateri yang dicas sepenuhnya atau kit penyesuai AC (dijual berasingan, 85).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



6

Menu Tetapan


Sesuaikan atau laraskan fungsi kamera asas untuk kemudahan yang lebih

Melaraskan Fungsi Kamera Asas

Fungsi MENU (📖25) pada tab [📷] boleh dikonfigurasikan. Sesuaikan fungsi yang biasa digunakan seperti yang diinginkan, untuk lebih kemudahan.

Meredamkan Bunyi Operasi Kamera

Redamkan bunyi kamera dan filem seperti berikut.



- Pilih [Bisu] dan kemudian pilih [On].



- Bunyi operasi juga boleh diredamkan dengan menahan butang [DISP] semasa anda menghidupkan kamera.
- Bunyi tidak akan dimainkan ketika filem dimainkan (📖61) jika anda meredamkan bunyi kamera. Untuk memulihkan bunyi ketika filem dimainkan, tekan butang [▲]. Laraskan volum dengan butang [▲][▼] mengikut keperluan.

Melaraskan Volum

Laraskan volum setiap bunyi kamera seperti berikut.



- Pilih [Volum] dan kemudian tekan butang [🔊].
- Pilih satu item dan kemudian tekan butang [◀][▶] untuk melaraskan volum.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P


5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori


8 Lampiran

Indeks



Menyembunyikan Penunjuk & Tip

Penunjuk dan tip biasanya dipaparkan apabila anda memilih item FUNC. (124) atau MENU (125). Jika anda ingin, anda boleh menyahaktifkan maklumat ini.



- Pilih [Penunjuk & Tip] dan kemudian pilih [Padam].

Tarikh dan Masa


Laraskan tarikh dan masa seperti berikut.



- Pilih [Hb/Masa] dan kemudian tekan butang [OK].
- Tekan butang [←][→] untuk memilih satu pilihan dan kemudian tekan butang [▲][▼] untuk melaraskan tetapan.

Jam Dunia

Untuk memastikan bahawa tangkapan anda akan mempunyai tarikh dan masa tempatan yang betul ketika anda melancong ke luar negara,aftarkan sahaja destinasi anda terlebih dahulu dan tukar ke zon masa tersebut. Ciri mudah ini tidak memerlukan penukaran tetapan Hb/Masa secara manual. Sebelum menggunakan jam dunia, pastikan anda menetapkan tarikh dan masa serta zon masa rumah anda seperti yang telah dijelaskan dalam "Menetapkan Tarikh dan Masa" (117).



1 Tentukan destinasi anda.

- Pilih [Zon masa] dan kemudian tekan butang [OK].
- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [Dunia], dan kemudian tekan butang [OK].
- Tekan butang [←][→] untuk memilih destinasi.
- Untuk menetapkan waktu jimat siang (1 jam lebih awal), pilih [☀] dengan menekan butang [▲][▼] dan kemudian pilih [☀] dengan menekan butang [←][→].
- Tekan butang [OK].



2 Tukar ke zon masa destinasi.

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [Dunia], dan kemudian tekan butang [MENU].
- [☀] kini dipaparkan pada skrin penangkapan (105).



- Melaraskan tarikh atau masa ketika dalam mod [☀] (118) akan mengemas kini tarikh dan masa [Home] anda secara automatik.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P


5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori


8 Lampiran

Indeks



Masa Tarik Balik Lensa


Lensa biasanya ditarik balik untuk keselamatan kira-kira seminit selepas anda menekan butang [▶] dalam mod Penangkapan (📖22). Untuk menarik balik lensa segera selepas anda menekan butang [▶], tetapkan masa tarik balik ke [0 saat].



- Pilih [Tarikbalik lensa], dan kemudian pilih [0 saat].

Menggunakan Mod Eko

Fungsi ini membenarkan anda untuk menjimatkan kuasa bateri dalam mod Penangkapan. Apabila kamera tidak digunakan, skrin akan menjadi gelap dengan cepat untuk mengurangkan penggunaan bateri.



1 Konfigurasi tetap.

- Pilih [Mod Eko] dan kemudian pilih [On].
- [ECO] kini dipaparkan pada skrin penangkapan (📖105).
- Skrin menjadi gelap apabila kamera tidak digunakan selama kira-kira dua saat; kira-kira sepuluh saat selepas penggelapan, skrin akan dimatikan. Kamera akan dimatikan dengan sendiri selepas ketidakaktifan selama kira-kira tiga minit.

2 Tangkap.

- Untuk mengaktifkan skrin dan bersedia untuk penangkapan apabila skrin dimatikan tetapi lensa masih terkeluar, tekan butang pengatup separuh ke bawah.

Pelarasan Jimat Kuasa

Laraskan pemasa bagi kamera automatik dan penyahaktifan skrin (Mati Secara Auto dan Paparan Deaktif, masing-masing) mengikut keperluan (📖23).



- Pilih [Jimat kuasa] dan kemudian tekan butang [ⓘ].
- Selepas memilih satu item, tekan butang [◀|▶] untuk melaraskannya mengikut keperluan.



- Untuk menjimat kuasa bateri, anda harus biasanya memilih [On] untuk [Mati secara auto] dan [1 min] atau kurang untuk [Paparan deaktif].



- Tetapan [Paparan deaktif] digunakan walaupun jika anda menetapkan [Mati secara auto] ke [Padam].
- Fungsi jimat kuasa adalah tidak tersedia ketika anda menetapkan mod Eko (📖79) ke [On].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P


5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



Kecerahan Skrin

Laraskan kecerahan skrin seperti berikut.




- Pilih [Kecerahan LCD] dan kemudian tekan butang [◀][▶] untuk melaraskan kecerahan.



- Untuk kecerahan maksimum, tekan dan tahan butang [DISP] selama kira-kira satu saat apabila skrin penangkapan dipaparkan atau apabila dalam paparan imej tunggal. (Ini akan mengatasi tetapan [Kecerahan LCD] pada tab [Y]). Untuk memulihkan kecerahan asal, tekan dan tahan butang [DISP] sekali lagi selama kira-kira satu saat atau hidupkan kamera semula.

Menyembunyikan Skrin Permulaan

Jika anda inginkan, anda boleh menyahaktifkan paparan skrin permulaan yang biasanya muncul apabila anda menghidupkan kamera.



- Pilih [Imej permulaan] dan kemudian pilih [Padam].

Memformat Kad Memori

Sebelum menggunakan kad memori baharu atau kad memori yang diformat dalam peranti lain, anda harus memformat kad memori tersebut dengan kamera ini.

Pemformatan memadam semua data pada kad memori. Sebelum memformat, salin imej pada kad memori ke komputer atau ambil langkah lain untuk membuat sandaran.

Kad Eye-Fi (i99) mengandungi perisian pada kad itu sendiri.


Sebelum memformat kad Eye-Fi, pasangkan perisiannya pada komputer.

1 Akses skrin [Format].

- Pilih [Format] dan kemudian tekan butang [Ⓜ].


2 Pilih [OK].

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [Batal], tekan butang [◀][▶] untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang [Ⓜ].



3 Format kad memori.

- Untuk memulakan proses memformat, tekan butang [▲][▼] untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang [Ⓜ].
- Apabila pemformatan diselesaikan, [Format kad memori selesai] dipaparkan. Tekan butang [Ⓜ].



- Memformat atau memadam data pada kad memori hanya menukar maklumat pengurusan fail pada kad memori dan tidak memadam data tersebut dengan sepenuhnya. Apabila memindah atau membuang kad memori, ambil langkah untuk melindungi maklumat peribadi anda jika perlu, seperti menghancurkan kad memori secara fizikal.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P


5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks






- Jumlah kapasiti kad memori yang ditunjukkan pada skrin pemformatan mungkin lebih rendah daripada kapasiti yang diiklankan.

Pemformatan Tahap Rendah

Lakukan pemformatan tahap rendah dalam keadaan berikut: [Kesilapan kad memori] dipaparkan, kamera tidak berfungsi dengan betul, pembacaan/penulisan imej pada kad lebih lambat, penangkapan gambar berterusan lebih lambat atau rakaman filem terhenti secara tiba-tiba. Pemformatan tahap rendah akan memadam semua data pada kad memori. Sebelum pemformatan tahap rendah, salin imej pada kad memori ke komputer atau ambil langkah-langkah lain untuk membuat sandaran.



- Pada skrin dalam langkah 2 “Memformat Kad Memori” (📖80), tekan butang [▲][▼] untuk memilih [Fomat low level] dan kemudian tekan butang [◀][▶] untuk memilih pilihan ini. Ikon [✓] dipaparkan.
- Ikuti langkah 2 - 3 dalam “Memformat Kad Memori” (📖80) untuk meneruskan proses pemformatan.



- Pemformatan tahap rendah mengambil masa lebih lama daripada “Memformat Kad Memori” (📖80), kerana data dipadankan daripada semua bahagian simpanan kad memori.
- Anda boleh membatalkan pemformatan tahap rendah yang sedang berlangsung dengan memilih [Berhenti]. Jika demikian, semua data akan dihapuskan, tetapi kad memori boleh digunakan secara normal.

Penomboran Fail

Hasil tangkapan anda diberi nombor secara automatik dalam turutan berjujukan (0001 – 9999) dan disimpan dalam folder yang boleh menyimpan sehingga 2,000 imej setiap satu. Anda boleh menukar cara kamera menetapkan nombor fail.



- Pilih [Penomboran Fail] dan kemudian pilih satu pilihan.

Berterusan	Imej diberi nombor secara berturutan (sehingga tangkapan ke-9999 diambil/disimpan) walaupun jika anda mengganti kad memori.
Auto Reset	Penomboran imej diset semula ke 0001 jika anda mengganti kad memori atau apabila folder baru dicipta.



- Tidak kira pilihan yang dipilih dalam tetapan ini, tangkapan mungkin akan diberi nombor secara berturutan mengikut nombor terakhir dari imej yang sedia ada pada kad memori yang baru dimasukkan. Untuk mula menyimpan tangkapan dari 0001, gunakan kad memori yang kosong (atau diformat (📖80)).
- Rujuk kepada “Manual Arahan Perisian” (📖89) untuk maklumat mengenai struktur folder kad dan format imej.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P


5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori


8 Lampiran

Indeks



Penyimpanan Imej Berasaskan Tarikh

Selain penyimpanan imej dalam folder yang dicipta setiap bulan, anda boleh menetapkan kamera agar mencipta folder bagi setiap hari anda membuat tangkapan untuk menyimpan tangkapan pada hari tersebut.



- Pilih [Cipta Folder] dan kemudian pilih [Setiap hari].
- Imej kini akan disimpan dalam folder yang dicipta pada tarikh tangkapan.

Memeriksa Logo Pensijilan

Sesetengah logo untuk keperluan pensijilan yang dipatuhi oleh kamera dapat dilihat pada skrin. Logo pensijilan yang lain dicetak dalam panduan ini, pada pakej kamera atau pada badan kamera.



- Pilih [Paparkan logo pensijilan], dan kemudian tekan butang [MENU].

Bahasa Paparan

Tukar bahasa paparan mengikut kesesuaian.



- Pilih [Bahasa] dan kemudian tekan butang [MENU].
- Tekan butang [▲][▼][◀][▶] untuk memilih bahasa dan kemudian tekan butang [MENU].



- Anda juga boleh mengakses skrin [Bahasa] dalam mod Main balik dengan menekan dan menahan butang [MENU] dan segera menekan butang [MENU].

Melaraskan Tetapan Lain

Tetapan berikut juga boleh dilaraskan pada tab [PAPAR].

- [Sistem video] (87)
- [Settin Eye-Fi] (99)

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P


5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



Memulihkan Tetapan Lalai

Jika anda menukar sesuatu tetapan secara tidak sengaja, anda boleh memulihkan tetapan lalai kamera.



1 Akses skrin [Reset Semua].

- Pilih [Reset Semua] dan kemudian tekan butang [⌂].

2 Pulihkan tetapan lalai.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Ok] dan kemudian tekan butang [⌂].
- Tetapan lalai kini dipulihkan.



- Fungsi berikut tidak dipulihkan ke tetapan lalai.
 - [↑↓] tetapan tab [Hb/Masa] (📖78), [Zon masa] (📖78), [Bahasa 🇲🇾] (📖82) dan [Sistem video] (📖87)
 - Data white balance tersuai yang telah anda rekod (📖53)
 - Mod penangkapan (📖43)

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P


5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran


Indeks



7

Aksesori


Nikmati kamera melalui lebih banyak cara dengan aksesori pilihan Canon dan aksesori serasi lain yang dijual berasingan



*1 Juga tersedia untuk pembelian berasingan.

*2 Aksesori Canon tulen juga tersedia (Kabel Antara Muka IFC-400PCU).

Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Main balik
6 Menu Tetapan
7 Aksesori
8 Lampiran
Indeks




Penggunaan aksesori Canon yang tulen adalah disarankan.

Produk ini direka bentuk untuk mencapai prestasi yang cemerlang apabila digunakan bersama aksesori Canon yang tulen. Canon tidak bertanggungjawab untuk sebarang kerosakan produk dan/atau kemalangan seperti api, dll. yang disebabkan oleh kepincangan aksesori Canon yang bukan tulen (mis., kebocoran dan/atau letupan pek bateri). Sila ambil perhatian bahawa jaminan tidak termasuk pembaikan yang timbul akibat kepincangan aksesori Canon yang bukan tulen tetapi anda boleh meminta pembaikan demikian dengan bayaran.

Aksesori Pilihan

Aksesori kamera berikut dijual berasingan. Sila ambil perhatian bahawa ketersediaan berbeza mengikut kawasan dan sesetengah aksesori mungkin sudah tidak tersedia lagi.

Bekalan Kuasa



Pek Bateri NB-11LH


- Bateri litium-ion boleh dicas semula

Pengecas Bateri CB-2LFE

- Pengecas bagi Pek Bateri NB-11LH



- Pek bateri disertakan dengan satu penutup mudah yang anda boleh pasang untuk mengetahui status pengecasan dengan pandangan sepintas lalu. Pasangkan penutup supaya ▲ kelihatan pada pek bateri dicas penuh dan pasangannya supaya ▲ tidak kelihatan pada bateri yang tidak dicaskan.
- Pek Bateri NB-11L juga disokong.
- Pengecas Bateri CB-2LFE juga disokong.



Kit Penyesuai AC ACK-DC90

- Untuk membekalkan kuasa kepada kamera menggunakan kuasa rumah. Disarankan apabila menggunakan kamera untuk jangka masa yang lama atau apabila menyambungkan kamera ke pencetak atau komputer. Tidak boleh digunakan untuk mengecbas pek bateri dalam kamera.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran


Indeks





- Pengecas bateri dan kit penyesuai AC boleh digunakan di kawasan dengan kuasa sebesar 100 – 240 V AC (50/60 Hz).
- Bagi saluran keluar kuasa dalam format lain, gunakan penyesuai yang tersedia secara komersil untuk palam. Jangan gunakan transformer elektrik yang direka untuk pelancongan, kerana ia mungkin merosakkan pek bateri.


Unit Denyar



Denyar Kuasa Tinggi HF-DC2


- Denyar luaran untuk penerangan subjek yang berada di luar julat denyar terbina dalam.

Aksesori Lain



Kabel Antara muka IFC-400PCU

- Untuk menyambungkan kamera ke komputer atau pencetak.



Kabel AV AVC-DC400

- Sambungkan kamera ke TV untuk menikmati main balik pada skrin TV yang lebih besar.

Pencetak



Pencetak Serasi PictBridge Jenama Canon

- Mencetak imej tanpa komputer boleh dilakukan dengan menyambungkan kamera secara langsung ke pencetak. Untuk butiran, lawati peruncit Canon yang terdekat dengan anda.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P


5 Mod Main balik

6 Menu Tetap

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



Menggunakan Aksesori Pilihan

► Imej Pegun ► Filem

Main balik pada TV

► Imej Pegun ► Filem


Menyambungkan kamera ke TV dengan Kabel AV AVC-DC400 (dijual berasingan) membolehkan anda melihat tangkapan anda pada skrin TV yang lebih besar ketika mengawal kamera.

Untuk butiran mengenai sambungan atau cara menukar input, rujuk kepada manual TV.




- Sesetengah maklumat mungkin tidak dapat dipaparkan apabila melihat imej pada TV (106).

1 Pastikan kamera dan TV dimatikan.



2 Sambungkan kamera ke TV.

- Pada TV, masukkan palam kabel sepenuhnya ke dalam input video seperti yang ditunjukkan.
- Pastikan palam kabel dalam input video berwarna sama.
- Pada kamera, buka penutup terminal dan masukkan palam kabel sepenuhnya ke dalam terminal kamera.




- Paparan yang betul tidak berfungsi melainkan format output video kamera (NTSC atau PAL) sesuai dengan format TV. Untuk menukar format output video, tekan butang [MENU] dan pilih [Sistem video] pada tab [↑].

Membekalkan Kuasa Kamera dengan Kuasa Rumah

► Imej Pegun ► Filem

Membekalkan kuasa kamera dengan Kit Penyesuai AC ACK-DC90 (dijual berasingan) menyingkirkan keperluan untuk memantau baki tahap kuasa bateri.



3 Hidupkan TV dan tukar ke input video.

- Tukar input TV ke input video yang anda sambungkan kabel padanya dalam langkah 2.

4 Hidupkan kamera.

- Tekan butang [▶] untuk hidupkan kamera.
- Imej daripada kamera kini dipaparkan pada TV. (Skrin kamera tidak memaparkan apa-apa.)
- Setelah selesai, matikan kamera dan TV sebelum mencabut kabel.

1 Pastikan kamera dimatikan.

2 Buka penutup.

- Ikuti langkah 1 dalam "Memasukkan Pek Bateri dan Kad Memori" (16) untuk membuka penutup kad memori/bateri, dan kemudian buka penutup port kabel pengganding seperti yang ditunjukkan.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P


5 Mod Main balik


6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran


Indeks






3 Masukkan pengganding.

- Memegang pengganding dengan terminal (1) menghadap arah yang ditunjukkan, masukkan pengganding sama seperti anda memasukkan pek bateri (ikuti langkah 2 dalam "Memasukkan Pek Bateri dan Kad Memori" (📖 16)).




- Pastikan kabel pengganding melalui port (1).




4 Tutup penutup.

- Turunkan penutup (1) dan tahan ke bawah apabila anda meluncurkannya, sehingga penutup klik masuk ke posisi tertutup (2).



5 Sambungkan kord kuasa.

- Masukkan palam penyesuai ke dalam hujung kabel pengganding.



- Masukkan salah satu hujung kord kuasa ke dalam penyesuai kuasa padat dan kemudian masukkan hujung lain ke dalam saluran keluar kuasa.
- Hidupkan kamera dan gunakannya mengikut keinginan.
- Setelah selesai, matikan kamera dan cabut kord kuasa dari saluran keluar kuasa.



- Jangan putus sambungan penyesuai atau cabut kord kuasa ketika kamera masih hidup. Ini mungkin akan memadam tangkapan anda atau merosakkan kamera.
- Jangan pasang penyesuai atau kord penyesuai ke objek lain. Hal ini mungkin menyebabkan kepincangan atau kerosakan produk.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



Menggunakan Perisian

Perisian yang tersedia untuk dimuat turun dari laman web Canon diperkenalkan di bawah, dengan arahan untuk pemasangan dan penyimpanan imej ke komputer.

Perisian

Selepas memuat turun perisian dari laman web Canon dan memasangnya, anda boleh melakukan yang berikut pada komputer anda.

- CameraWindow
 - Import imej dan menukar tetapan kamera
- ImageBrowser EX
 - Uruskan imej: lihat, cari dan susun
 - Cetak dan edit imej



- Akses Internet diperlukan dan sebarang caj akaun ISP dan bayaran akses mesti dibayar secara berasingan.

Manual Arahan Perisian

Rujuk kepada manual arahan apabila menggunakan perisian. Manual tersebut boleh diakses dari sistem bantuan perisian (sesetengah perisian tidak disertakan).

Memeriksa Persekitaran Komputer Anda

Perisian ini boleh digunakan pada komputer berikut. Untuk maklumat keserasian dan keperluan sistem yang terperinci termasuk sokongan dalam sistem pengendalian yang baharu, kunjungi laman web Canon.

Sistem Operasi	Windows	Mac OS
	Windows 8/8.1 Windows 7 SP1	Mac OS X 10.9 Mac OS X 10.8



- Periksa laman Web Canon untuk keperluan sistem terbaharu, termasuk versi OS yang disokong.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



Memasang Perisian

Windows 7 dan Mac OS X 10.8 digunakan di sini untuk kepentingan ilustrasi sahaja.

1 Muat turun perisian.

- Dengan komputer yang disambungkan ke Internet, akses <http://www.canon.com/icpd/>.
- Akses laman untuk negara atau daerah anda.
- Muat turun perisian.



2 Pasangkan fail.

- Klik [Easy Installation] dan ikuti arahan pada skrin untuk melengkapkan proses pemasangan.
- Pemasangan mungkin mengambil sedikit masa, bergantung pada prestasi komputer dan sambungan Internet.
- Klik [Finish] atau [Restart] pada skrin selepas pemasangan.





- Dengan menggunakan perisian, anda boleh mengemas kini ke versi terbaharu dan memuat turun fungsi yang baharu melalui Internet (tidak termasuk beberapa perisian).
- Kali pertama anda menyambungkan kamera ke komputer, pemacu akan dipasang, jadi ini mungkin mengambil masa beberapa minit sehingga imej dalam kamera boleh diakses.

Menyimpan Imej ke dalam Komputer

Windows 7 dan Mac OS X 10.8 digunakan di sini untuk kepentingan ilustrasi sahaja.

Untuk fungsi yang lain, rujuk kepada sistem bantuan perisian yang berkaitan (sesetengah perisian tidak disertakan).



1 Sambungkan kamera ke komputer.

- Dengan kamera dimatikan, buka penutup (1). Dengan palam kabel USB yang lebih kecil dalam orientasi seperti yang ditunjukkan, masukkan palam sepenuhnya ke dalam terminal kamera (2).

- Masukkan palam kabel USB yang lebih besar ke dalam port USB komputer. Untuk butiran mengenai sambungan USB pada komputer, rujuk kepada manual pengguna komputer.

2 Hidupkan kamera untuk mengakses CameraWindow.

- Tekan butang [] untuk hidupkan kamera.
- Mac OS: CameraWindow dipaparkan apabila sambungan diwujudkan antara kamera dan komputer.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori


8 Lampiran

Indeks





- Windows: Ikuti langkah yang ditunjukkan di bawah.
- Pada skrin yang dipaparkan, klik pautan [] untuk mengubah suai program.



- Pilih [Downloads Images From Canon Camera] dan kemudian klik [OK].



- Klik dua kali [].

3 Simpan imej ke komputer.

- Klik [Import Images from Camera] dan kemudian klik [Import Untransferred Images].
- Imej kini disimpan dalam folder Pictures pada komputer, dalam folder berasingan yang dinamakan berdasarkan tarikh.
- Selepas imej disimpan, tutup CameraWindow, tekan butang [] untuk mematikan kamera dan cabut kabel.
- Untuk arahan tentang cara melihat imej pada komputer, rujuk kepada "Manual Arahan Perisian" (89).



- Windows 7: Jika skrin dalam langkah 2 tidak dipaparkan, klik ikon [] pada bar tugas.
- Mac OS: Jika CameraWindow tidak dipaparkan selepas langkah 2, klik ikon [CameraWindow] pada Dok.
- Walaupun anda boleh menyimpan imej ke dalam komputer hanya dengan menyambungkan kamera anda ke komputer tanpa menggunakan perisian, batasan berikut dikenakan.
 - Selepas anda menyambungkan kamera ke komputer, ia mungkin mengambil masa beberapa minit hingga imej dalam kamera boleh diakses.
 - Imej yang ditangkap dalam orientasi menegak mungkin akan disimpan dalam orientasi mendatar.
 - Tetapan perlindungan imej mungkin dipadamkan daripada imej yang disimpan dalam komputer.
 - Sesetengah masalah mungkin berlaku apabila menyimpan imej atau maklumat imej, bergantung pada versi sistem pengendalian, perisian yang sedang digunakan atau saiz fail imej.
 - Beberapa fungsi yang disediakan oleh perisian mungkin tidak tersedia, misalnya pengeditan filem.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



Mencetak Imej

► Imej Pegun ► Filem

Tangkapan anda boleh dicetak dengan mudah dengan menyambungkan kamera ke pencetak. Pada kamera, anda boleh menentukan imej untuk menyediakan pencetakan berkelompok, menyiapkan pesanan untuk perkhidmatan pencucian foto dan menyiapkan pesanan atau mencetak imej untuk buku foto.

Pencetak foto padat siri SELPHY CP Canon digunakan di sini untuk kepentingan ilustrasi sahaja. Skrin yang dipaparkan dan fungsi yang tersedia berbeza mengikut pencetak. Rujuk juga kepada manual pencetak untuk maklumat tambahan.

Cetak Mudah



► Imej Pegun ► Filem

Cetak tangkapan anda dengan mudah dengan menyambungkan kamera ke pencetak serasi PictBridge (dijual berasingan) dengan kabel USB.

1 Pastikan kamera dan pencetak dimatikan.

2 Sambungkan kamera ke pencetak.

- Buka penutup terminal. Dengan memegang palam kabel yang kecil dalam orientasi seperti yang ditunjukkan, masukkan palam sepenuhnya ke dalam terminal kamera.
- Sambungkan palam kabel yang lebih besar ke pencetak. Untuk butiran sambungan yang lain, rujuk kepada manual pencetak.



3 Hidupkan pencetak.



4 Hidupkan kamera.

- Tekan butang [▶] untuk hidupkan kamera.




5 Pilih satu imej.

- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih imej.

6 Akses skrin pencetakan.

- Tekan butang [⊕] pilih [▶] dan kemudian tekan [⊕] sekali lagi.



7 Cetak imej tersebut.

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [Cetak] dan kemudian tekan butang [⊕].
- Pencetakan kini bermula.
- Untuk mencetak imej lain, ulangi prosedur di atas bermula dari langkah 5 setelah pencetakan selesai.
- Apabila anda sudah selesai mencetak, matikan kamera dan pencetak dan putuskan sambungan kabel.



- Untuk pencetak serasi PictBridge jenama Canon (dijual berasingan), lihat "Pencetak" (86).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori


8 Lampiran

Indeks



Mengkonfigurasi Tetapan Pencetakan

▶ Imej Pegun ▶ Filem



1 Akses skrin pencetakan.

- Ikuti langkah 1 – 6 dalam “Cetak Mudah” (📖92) untuk mengakses skrin ini.

2 Konfigurasi tetapan.

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih item dan kemudian tekan butang [◀][▶] untuk memilih pilihan.

📄	Settin asal	Padan dengan tetapan pencetak semasa.
	Hb	Mencetak imej dengan penambahan tarikh.
	Nombor fail	Mencetak imej dengan penambahan nombor fail.
	Kedua-dua	Mencetak imej dengan penambahan tarikh dan nombor fail.
	Padam	–
📷	Settin asal	Padan dengan tetapan pencetak semasa.
	Padam	–
	On	Menggunakan maklumat dari waktu penangkapan untuk mencetak dengan tetapan yang optimum.
	Red-Eye 1	Membetulkan mata merah.
📄	Jumlah Helaian	Pilih jumlah helaian yang akan dicetak.
Memotong	–	Menentukan kawasan imej yang ingin dicetak (📖93).
Settin Kertas	–	Tentukan saiz, tataletak dan butiran lain bagi kertas (📖94).

Memotong Imej sebelum Mencetak

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Dengan memotong imej sebelum mencetak, anda boleh mencetak kawasan imej yang diinginkan sahaja, bukan keseluruhan imej.



1 Pilih [Memotong].

- Selepas mengikuti langkah 1 dalam “Mengkonfigurasi Tetapan Pencetakan” (📖93) untuk mengakses skrin pencetakan, pilih [Memotong] dan tekan butang [⊙].
- Bingkai pemotongan kini dipaparkan, menunjukkan kawasan imej untuk dicetak.

2 Laraskan bingkai pemotongan mengikut keperluan.

- Untuk menukar saiz bingkai, gerakkan tuas zum.
- Untuk menggerakkan bingkai, tekan butang [▲][▼][◀][▶].
- Untuk memutar bingkai, tekan butang [DISP].
- Apabila selesai, tekan butang [⊙].

3 Cetak imej tersebut.

- Ikuti langkah 7 dalam “Cetak Mudah” (📖92) untuk mencetak.



- Pemotongan mungkin tidak boleh dilakukan pada saiz imej kecil atau pada sesetengah nisbah bidang.
- Tarikh mungkin tidak dicetak dengan betul jika anda memotong imej yang ditangkap dengan [Cop Tarikh] dipilih.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori


8 Lampiran

Indeks




Memilih Saiz Kertas dan Tataletak sebelum Mencetak

▶ Imej Pegun ▶ Filem




1 Pilih [Settin Kertas].

- Selepas mengikuti langkah 1 dalam “Mengkonfigurasi Tetapan Pencetakan” (📖93) untuk mengakses skrin pencetakan, pilih [Settin Kertas] dan tekan butang [Ⓜ].



2 Pilih saiz kertas.

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih pilihan dan kemudian tekan butang [Ⓜ].



3 Pilih jenis kertas.

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih pilihan dan kemudian tekan butang [Ⓜ].



4 Pilih tataletak.

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih satu pilihan.
- Apabila memilih [N-up], tekan butang [◀][▶] untuk menentukan jumlah imej bagi setiap helaian.
- Tekan butang [Ⓜ].

5 Cetak imej tersebut.

Pilihan Tataletak Tersedia

Settin asal	Padan dengan tetapan pencetak semasa.
Berbingkai	Mencetak dengan ruang kosong di keliling imej.
Tiada tepi	Tanpa bingkai, pencetakan pinggir-ke-pinggir.
N-up	Pilih berapa imej untuk dicetak pada setiap helaian.
Gambar ID	Mencetak imej untuk tujuan pengenalan. Hanya tersedia untuk imej dengan resolusi L dan nisbah bidang 4:3.
Saiz Tetap	Pilih saiz cetak. Pilih dari 3.5 x 5 inci, poskad atau pencetakan format lebar.

Mencetak Gambar ID

▶ Imej Pegun ▶ Filem

1 Pilih [Gambar ID].

- Ikuti langkah 1 – 4 dalam “Memilih Saiz Kertas dan Tataletak sebelum Mencetak” (📖94), pilih [Gambar ID] dan tekan butang [Ⓜ].



2 Pilih kepanjangan sisi panjang dan sisi pendek.

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih item. Pilih kepanjangan dengan menekan butang [◀][▶] dan kemudian tekan butang [Ⓜ].

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P


5 Mod Main balik


6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks






3 Pilih kawasan cetakan.

- Ikuti langkah 2 dalam “Memotong Imej sebelum Mencetak” (📖93) untuk memilih kawasan pencetakan.

4 Cetak imej tersebut.

Mencetak Adegan Filem

▶ Imej Pegun ▶ Filem



1 Akses skrin pencetakan.

- Ikuti langkah 1 – 6 dalam “Cetak Mudah” (📖92) untuk memilih filem. Skrin ini dipaparkan.

2 Pilih kaedah pencetakan.

- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [📖] dan kemudian tekan butang [◀][▶] untuk memilih kaedah cetakan.

3 Cetak imej tersebut.

Pilihan Pencetakan Filem

Tunggal	Mencetak adegan semasa sebagai imej pegun.
Urutan	Mencetak satu siri adegan, terpisah dengan selang tertentu, pada sehelai kertas. Anda juga boleh mencetak nombor folder, nombor fail dan waktu yang telah berlaku untuk bingkai dengan menetapkan [Penerangan] ke [On].



- Untuk membatalkan pencetakan, tekan butang [📖], pilih [Ok], dan kemudian tekan butang [📖] sekali lagi.
- [Gambar ID] dan [Urutan] tidak boleh dipilih pada pencetak serasi PictBridge jenama Canon daripada CP720/CP730 dan model yang lebih awal.

Menambahkan Imej ke Senarai Cetak (DPOF)


▶ Imej Pegun ▶ Filem

Pencetakan berkelompok (📖97) dan memesan pencetakan daripada perkhidmatan pencucian foto boleh disediakan pada kamera. Pilih sehingga 998 imej pada kad memori dan konfigurasi tetap yang berkaitan, seperti jumlah salinan, seperti berikut. Maklumat pencetakan yang anda sediakan dengan cara ini akan memenuhi standard DPOF (Digital Print Order Format).

Mengkonfigurasi Tetap Pencetakan

▶ Imej Pegun ▶ Filem

Tentukan format pencetakan, jika anda ingin menambahkan tarikh atau nombor fail dan tetapan lain seperti berikut. Tetapan ini digunakan untuk semua imej dalam senarai cetak.



- Tekan butang [MENU] dan kemudian pilih [Settin cetak] pada tab [📖]. Pilih dan konfigurasi item seperti yang diinginkan (📖25).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



Jenis cetak	Standard	Satu imej dicetak untuk setiap helaian.
	Indeks	Versi lebih kecil bagi berbilang imej dicetak untuk setiap helaian.
	Kedua-dua	Kedua-dua format indeks dan standard dicetak.
Hb	On	Imej dicetak dengan tarikh penangkapan.
	Padam	–
Nombor fail	On	Imej dicetak dengan nombor fail.
	Padam	–
Hps data DPOF	On	Semua tetapan senarai cetak imej dipadam selepas pencetakan.
	Padam	–



- Dalam sesetengah kes, tidak semua tetapan DPOF anda akan digunakan dalam pencetakan oleh pencetak atau perkhidmatan pencucian foto.
- [!i] mungkin dipaparkan pada kamera untuk memberi amaran bahawa kad memori mempunyai tetapan cetak yang dikonfigurasi pada kamera lain. Menukar tetapan cetak menggunakan kamera ini mungkin menulis ganti semua tetapan sebelumnya.
- Menetapkan [Hb] ke [On] mungkin menyebabkan sesetengah pencetak mencetak tarikh dua kali.



- Menentukan [Indeks] akan menghalang anda daripada memilih [On] untuk [Hb] dan [Nombor fail] pada masa yang sama.
- Pencetakan indeks tidak tersedia pada sesetengah pencetak serasi PictBridge jenama Canon (dijual berasingan).
- Tarikh dicetak dalam format yang sepadan dengan butiran tetapan pada [Hb/Masa] pada tab [!i] (17).

Menyediakan Pencetakan Imej Berasingan

► Imej Pegun ► Filem



1 Pilih [Pilih imej & kuantiti].

- Tekan butang [MENU], pilih [Pilih imej & kuantiti] pada tab [!i] dan kemudian tekan butang [!i].

2 Pilih satu imej.

- Tekan butang [!i][!i] untuk memilih imej dan kemudian tekan butang [!i].
- Sekarang anda boleh menentukan jumlah salinan.
- Jika anda menentukan pencetakan indeks untuk imej, ia dilabelkan dengan ikon [!i]. Untuk membatalkan pencetakan indeks bagi imej, tekan butang [!i] sekali lagi. [!i] tidak dipaparkan lagi.



3 Tentukan jumlah pencetakan.

- Tekan butang [!i][!i] untuk menentukan jumlah pencetakan (sehingga 99).
- Untuk menyediakan pencetakan bagi imej lain dan menentukan jumlah pencetakan, ulangi langkah 2 – 3.
- Kuantiti pencetakan tidak boleh ditentukan untuk pencetakan indeks. Anda hanya boleh memilih gambar mana yang akan dicetak, dengan mengikuti langkah 2.
- Setelah selesai, tekan butang [MENU] untuk kembali ke skrin menu.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



Menyediakan Pencetakan untuk Berbagai-bagai Imej


► Imej Pegun ► Filem



- Ikuti langkah 1 dalam “Menyediakan Pencetakan untuk Imej Berasingan” (📖96), pilih [Pilih Julat] dan tekan butang [📷].
- Ikuti langkah 2 - 3 dalam “Memilih Julat” (📖68) untuk menentukan imej.
- Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [Urutan] dan kemudian tekan butang [📷].


Menyediakan Pencetakan untuk Semua Imej

► Imej Pegun ► Filem



- Ikuti langkah 1 dalam “Menyediakan Pencetakan untuk Imej Berasingan” (📖96), pilih [Pilih semua imej] dan tekan butang [📷].
- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Ok] dan kemudian tekan butang [📷].

Memadam Semua Imej daripada Senarai Cetak



- Ikuti langkah 1 dalam “Menyediakan Pencetakan untuk Imej Berasingan” (📖96), pilih [Hapus semua pilihan] dan tekan butang [📷].
- Tekan butang [◀][▶] untuk memilih [Ok] dan kemudian tekan butang [📷].

Mencetak Imej yang Ditambah ke Senarai Cetak (DPOF)

► Imej Pegun ► Filem



- Apabila imej telah ditambahkan ke senarai cetak (📖95 – 📖97), skrin akan dipaparkan selepas anda menyambungkan kamera ke pencetak serasi PictBridge. Tekan butang [▲][▼] untuk memilih [Cetak sekarang] dan kemudian tekan sahaja butang [📷] untuk mencetak imej dalam senarai cetak.
- Sebarang kerja cetak DPOF yang anda hentikan buat sementara akan diteruskan dari imej berikutnya.

Menambah Imej ke Buku Foto

► Imej Pegun ► Filem

Buku foto boleh disediakan pada kamera dengan memilih hingga 998 imej pada kad memori dan mengimport imej tersebut ke perisian pada komputer anda, seterusnya disimpan dalam folder tersendiri. Perkara ini akan memudahkan anda apabila memesan cetakan buku foto secara dalam talian atau mencetak buku foto dengan pencetak anda sendiri.

Memilih Kaedah Pemilihan




- Tekan butang [MENU], pilih [Settin Photobok] pada tab [📷] dan kemudian pilih bagaimana anda akan memilih imej.



- 📌 mungkin dipaparkan pada kamera untuk memberi amaran bahawa kad memori mempunyai tetapan cetak yang dikonfigurasi pada kamera lain. Menukar tetapan cetak menggunakan kamera ini mungkin menulis ganti semua tetapan sebelumnya.

Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Main balik
6 Menu Tetapan
7 Aksesori
8 Lampiran
Indeks





- Selepas mengimport imej ke komputer anda, rujuk juga kepada "Manual Arahan Perisian" (📖89) dan manual pencetak untuk maklumat lanjut.

Menambah Imej Secara Berasingan

▶ Imej Pegun ▶ Filem



1 Pilih [Pilih].

- Ikuti prosedur dalam "Memilih Kaedah Pemilihan" (📖97), pilih [Pilih] dan tekan butang [⏏].



2 Pilih satu imej.

- Tekan butang [⏏] untuk memilih imej dan kemudian tekan butang [⏏].
- [✓] dipaparkan.
- Untuk memadam imej daripada buku foto, tekan butang [⏏] sekali lagi. [✓] tidak dipaparkan lagi.
- Ulangi proses ini untuk menentukan imej yang lain.
- Setelah selesai, tekan butang [MENU] untuk kembali ke skrin menu.

Menambah Semua Imej ke Buku Foto


▶ Imej Pegun ▶ Filem



- Ikuti prosedur dalam "Memilih Kaedah Pemilihan" (📖97), pilih [Pilih semua imej] dan tekan butang [⏏].
- Tekan butang [⏏] untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang [⏏].


Memadam Semua Imej dari Buku Foto

▶ Imej Pegun ▶ Filem



- Ikuti prosedur dalam "Memilih Kaedah Pemilihan" (📖97), pilih [Hapus semua pilihan] dan tekan butang [⏏].
- Tekan butang [⏏] untuk memilih [OK] dan kemudian tekan butang [⏏].

Sebelum Penggunaan
Panduan Asas
Panduan Lanjutan
1 Asas Kamera
2 Mod Auto
3 Mod Penangkapan Lain
4 Mod P
5 Mod Main balik
6 Menu Tetapan
7 Aksesori
8 Lampiran
Indeks



Menggunakan Kad Eye-Fi

► Imej Pegun ► Filem

Sebelum menggunakan kad Eye-Fi, sentiasa pastikan penggunaan tempatan dibenarkan (📖2).

Memasukkan kad Eye-Fi yang tersedia membolehkan pindahan wayarles imej ke komputer atau proses memuat naik ke laman web berkongsi foto secara automatik.

Imej dipindahkan melalui kad Eye-Fi. Rujuk kepada manual pengguna kad atau hubungi pengeluar untuk arahan tentang persediaan dan penggunaan kad atau penyelesaian masalah pindahan.



- Apabila menggunakan kad Eye-Fi, pastikan perkara-perkara berikut dalam fikiran.
 - Kad mungkin masih terus menghantar gelombang radio walaupun apabila [Pindahan Eye-Fi] ditetapkan ke [Deaktif] (📖100). Keluarkan kad Eye-Fi sebelum memasuki hospital, kapal terbang atau kawasan lain yang melarang penghantaran.
 - Apabila menyelesaikan masalah pindahan imej, periksa tetapan kad dan komputer. Untuk butiran, rujuk kepada manual pengguna kad.
 - Sambungan Eye-Fi yang lemah mungkin menyebabkan pindahan imej mengambil masa yang lama dan pindahan mungkin disampuk dalam keadaan tertentu.
 - Kad Eye-Fi mungkin menjadi panas, bergantung pada fungsi pindahan tersebut.
 - Kuasa bateri mungkin habis lebih cepat daripada penggunaan biasa.
 - Operasi kamera menjadi perlahan. Untuk menyelesaikan hal ini, cuba menetapkan [Pindahan Eye-Fi] ke [Deaktif].

Status sambungan kad Eye-Fi dalam kamera boleh diperiksa pada skrin penangkapan (dalam mod paparan maklumat biasa) atau skrin main balik (dalam mod paparan maklumat ringkas).

📶 (Kelabu)	Tidak bersambung
📶 (Berkelip putih)	Menyambung
📶 (Putih)	Bersambung
📶 (Beranimasi)	Pindahan sedang berjalan*1
📶	Disampuk
📶	Tidak berkomunikasi
📶	Ralat dalam memperoleh maklumat kad Eye-Fi*2

*1 Jimat kuasa (📖23) pada kamera adalah dilumpuhkan buat sementara ketika pindahan imej.

*2 Hidupkan kamera semula. Paparan ikon ini yang berulang mungkin menunjukkan masalah kad.

Imej yang dilabelkan dengan ikon 📶 sudah dipindahkan.

Memeriksa Maklumat Sambungan

Periksa SSID pusat akses yang digunakan oleh kad Eye-Fi atau status sambungan, mengikut keperluan.



- Tekan butang [MENU], pilih [Settin Eye-Fi] pada tab [📶] dan kemudian tekan butang [📶].
- Pilih [Koneksi info] dan kemudian tekan butang [📶].
- Skrin maklumat sambungan dipaparkan.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



Melumpuhkan Pindahan Eye-Fi

Jika diperlukan, konfigurasi tetapan seperti berikut untuk melumpuhkan pindahan Eye-Fi dengan kad.



- Tekan butang [MENU], pilih [Settin Eye-Fi] pada tab [↑↑] dan kemudian tekan butang [⊙].
- Pilih [Pindahan Eye-Fi] dan kemudian pilih [Deaktif].



- [Settin Eye-Fi] tidak dipaparkan melainkan satu kad Eye-Fi ada di dalam kamera dengan tab pelindung tulis dalam posisi nyahkunci. Oleh itu, anda tidak boleh menukar tetapan kad Eye-Fi yang dimasukkan jika tab pelindung tulisnya dalam posisi terkunci.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P


5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



8

Lampiran

Maklumat yang berguna apabila menggunakan kamera

Penyelesaian masalah

Jika anda fikir terdapat masalah dengan kamera, periksa terlebih dahulu perkara berikut. Jika item di bawah tidak menyelesaikan masalah anda, hubungi Canon Customer Support Help Desk.

Kuasa

Tiada apa yang terjadi apabila butang kuasa ditekan.

- Pastikan pek bateri telah dicas (15).
- Pastikan pek bateri dimasukkan menghadap arah yang betul (16).
- Pastikan penutup kad memori/bateri ditutup dengan sepenuhnya (16).
- Terminal bateri yang kotor mengurangkan prestasi bateri. Cuba bersihkan terminal dengan swab kapas dan masukkan kembali pek bateri beberapa kali.

Pek bateri kehabisan kuasa dengan cepat.

- Prestasi bateri menurun pada suhu rendah. Cuba hangatkan pek bateri sedikit dengan meletakkannya di dalam poket anda, sebagai contoh, pastikan bahawa terminal tidak menyentuh sebarang benda logam.
- Terminal bateri yang kotor mengurangkan prestasi bateri. Cuba bersihkan terminal dengan swab kapas dan masukkan kembali pek bateri beberapa kali.
- Jika langkah ini tidak membantu dan pek bateri masih kehabisan kuasa dengan cepat setelah dicas, bateri sudah mencapai akhir hayatnya. Beli pek bateri yang baharu.

Lensa tidak ditarik balik.

- Jangan membuka penutup kad memori/bateri ketika kamera dihidupkan. Tutup penutup, hidupkan kamera dan kemudian matikan ia semula (16).

Pek bateri bengkak.

- Pembengkakan bateri adalah normal dan tidak menimbulkan masalah keselamatan. Namun, jika pembengkakan bateri menghalang pek bateri dimasukkan ke dalam kamera, hubungi Canon Customer Support Help Desk.

Papar pada TV

Imej kamera kelihatan herot atau tidak dipaparkan pada TV (87).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



Penangkapan

Tidak boleh tangkap.

- Dalam mod Main balik (📷61), tekan butang pengatup separuh ke bawah (📷23).

Paparan yang pelik pada skrin dalam cahaya malap (📷24).

Paparan yang pelik pada skrin apabila menangkap.

- Ambil perhatian bahawa masalah paparan berikut tidak dirakam dalam imej pegun tetapi dirakam dalam filem.
 - Skrin mungkin menjadi lebih gelap di bawah cahaya yang terang.
 - Skrin mungkin berkelip di bawah pencahayaan pendarfluor atau LED.
 - Jaluran keunguan mungkin muncul pada skrin jika anda mengubah tangkapan yang melibatkan sumber cahaya yang terang.

Tiada cop tarikh ditambahkan pada imej.

- Konfigurasi tetapan [Cop Tarikh] (📷17). Ambil perhatian bahawa cop tarikh tidak ditambahkan pada gambar secara automatik, hanya kerana anda telah mengkonfigurasi tetapan [Hb/Masa] (📷35).
- Cop tarikh tidak ditambahkan dalam mod penangkapan (📷110) yang tetapannya tidak dapat dikonfigurasi (📷35).

📷 menyala pada skrin apabila butang pengatup ditekan dan penangkapan tidak mungkin (📷30).

📷 dipaparkan apabila butang pengatup ditekan separuh ke bawah (📷30).

- Set [Mod IS] ke [Berterusan] (📷60).
- Naikkan denyar dan tetapkan mod denyar ke 📷 (📷58).
- Tambahkan kelajuan ISO (📷51).
- Pasangkan kamera pada tripod atau ambil langkah lain untuk memastikan ia stabil. Selain itu, anda harus menetapkan [Mod IS] ke [Padam] apabila menggunakan tripod atau ambil langkah lain untuk memasang kamera dengan kukuh (📷60).

Tangkapan berada di luar fokus.

- Tekan butang pengatup separuh ke bawah untuk fokus pada subjek sebelum menekan ia sepenuhnya ke bawah untuk menangkap (📷23).
- Pastikan subjek berada dalam julat pemfokusan (📷116).
- Tetapkan [Beam bantu AF] ke [On] (📷40).
- Pastikan fungsi yang tidak diperlukan seperti makro dimatikan.
- Cuba menangkap dengan kunci fokus atau kunci AF (📷55, 📷58).

Tiada bingkai AF dipaparkan dan kamera tidak memfokus apabila butang pengatup ditekan separuh ke bawah.

- Agar bingkai AF dipaparkan dan kamera memfokus dengan betul, cuba mengubah tangkapan dengan memusatkan kawasan subjek dengan kontras yang lebih tinggi sebelum anda menekan butang pengatup separuh ke bawah. Atau, cuba tekan butang pengatup separuh ke bawah berulang kali.

Subjek dalam tangkapan kelihatan terlalu gelap.

- Naikkan denyar dan tetapkan mod denyar ke 📷 (📷58).
- Laraskan kecerahan dengan menggunakan pampasan pendedahan (📷50).
- Laraskan kontras dengan menggunakan i-Contrast (📷52, 📷75).
- Gunakan kunci AE atau pemeteran titik (📷50, 📷51).

Subjek kelihatan terlalu cerah, sorotan menjadi pudar.

- Rendahkan denyar dan tetapkan mod denyar ke 📷 (📷28).
- Laraskan kecerahan dengan menggunakan pampasan pendedahan (📷50).
- Gunakan kunci AE atau pemeteran titik (📷50, 📷51).
- Kurangkan pencahayaan pada subjek.

Tangkapan kelihatan terlalu gelap walaupun denyar menyala (📷30).

- Tangkap dalam lingkungan julat denyar (📷116).
- Tambahkan kelajuan ISO (📷51).

Subjek dalam tangkapan denyar kelihatan terlalu cerah, sorotan menjadi pudar.

- Tangkap dalam lingkungan julat denyar (📷116).
- Rendahkan denyar dan tetapkan mod denyar ke 📷 (📷28).

Titik putih atau artifak imej yang serupa muncul dalam tangkapan denyar.

- Ini disebabkan oleh cahaya dari denyar yang membalikkan debu atau partikel udara.

Imej kelihatan berbintik.

- Kurangkan kelajuan ISO (📷51).

Subjek dipengaruhi oleh mata merah (📷37).

- Tetapkan [Red-Eye Lamp] ke [On] (📷40) untuk mengaktifkan lampu pengurang mata merah (📷3) dalam penangkapan dengan denyar. Ambil perhatian bahawa ketika lampu pengurang mata merah diaktifkan (selama kira-kira satu saat), tangkapan tidak boleh dilakukan, kerana lampu sedang meneutralkan mata merah. Untuk mendapatkan hasil terbaik, buat subjek memandang ke arah lampu pengurang mata merah. Juga cuba meningkatkan pencahayaan suasana ruang dalaman dan menangkap dalam julat yang lebih dekat.
- Edit imej dengan menggunakan pembetulan mata merah (📷75).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



Merekod ke dalam kad memori mengambil masa terlalu lama atau rakaman berterusan menjadi lebih perlahan.

- Gunakan kamera untuk melakukan pemformatan tahap rendah pada kad memori (📖81).

Tetapan penangkapan atau tetapan menu FUNC. tidak tersedia.

- Item tetapan yang tersedia berbeza mengikut mod penangkapan. Rujuk kepada "Fungsi Tersedia dalam Setiap Mod Penangkapan", "Menu FUNC." dan "Tab Penangkapan" (📖107 – 📖110).

Merakam Filem

Masa berlalu yang dipaparkan tidak betul atau rakaman diganggu.

- Gunakan kamera untuk memformat kad memori atau tukar kepada kad yang menyokong rakaman berkelajuan tinggi. Ambil perhatian bahawa walaupun masa berlalu yang dipaparkan tidak betul, panjang filem pada kad memori adalah sama dengan panjang masa rakaman sebenar (📖80, 📖116).

⚠ dipaparkan dan rakaman berhenti secara automatik.

- Penimbal memori dalaman kamera terisi penuh kerana kamera tidak dapat merekod ke kad memori dengan cukup cepat. Cuba salah satu langkah berikut.
 - Gunakan kamera untuk melakukan pemformatan tahap rendah pada kad memori (📖81).
 - Turunkan kualiti imej (📖38).
 - Tukar kepada kad memori yang menyokong rakaman berkelajuan tinggi (📖116).

Meengezum tidak berfungsi.

- Meengezum tidak berfungsi apabila merakam filem dalam mod [📷] (📖45).

Main balik

Main balik tidak berfungsi.

- Main balik imej atau filem mungkin tidak berfungsi jika komputer digunakan untuk menamakan semula fail atau mengubah struktur folder. Untuk butiran tentang struktur folder dan nama fail, rujuk ke "Manual Arahan Perisian" (📖89).

Main balik berhenti atau audio melangkau.

- Tukar kepada kad memori yang telah dilakukan pemformatan tahap rendah dengan kamera (📖81).
- Mungkin terdapat sedikit gangguan apabila memainkan filem yang disalin ke kad memori yang memiliki kelajuan membaca yang rendah.
- Apabila filem dimainkan pada komputer, bingkai mungkin jatuh dan audio mungkin melangkau jika prestasi komputer tidak memadai.

Tiada bunyi yang dimainkan semasa filem dimainkan.

- Laraskan volum (📖77) jika anda telah mengaktifkan [Bisu] (📖77) atau bunyi di dalam filem lemah.
- Tiada bunyi yang dimainkan dalam rakaman filem dalam mod [📷] (📖45) kerana audio tidak dirakam dalam mod tersebut.

Kad Memori

Kad memori tidak dikenali.

- Hidupkan semula kamera, dengan kad memori berada di dalamnya (📖22).

Komputer

Tidak dapat pindah imej ke komputer.

- Apabila memindah imej ke komputer melalui kabel, cuba kurangkan kelajuan pindahan seperti berikut.
 - Tekan butang [📷] untuk masuk ke mod Main balik. Tahan butang [MENU] ke bawah dan pada masa yang sama tekan butang [▲] dan [📷]. Pada skrin seterusnya, tekan butang [◀][▶] untuk memilih [B] dan tekan butang [📷].

Kad Eye-Fi

Tidak boleh pindah imej (📖99).

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P


5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



Mesej Pada Skrin

Jika mesej ralat dipaparkan, lakukan seperti berikut.

Tiada memori kad

- Kad memori mungkin dimasukkan mengikut arah yang salah. Masukkan semula kad memori dengan menghadap ke arah yang betul (16).

Kad memori terkunci

- Tab perlindungan tulis kad memori ditetapkan ke posisi terkunci. Tukar tab perlindungan tulis ke posisi nyahkunci (16).

Tidak boleh rekod!

- Penangkapan dilakukan tanpa kad memori di dalam kamera. Untuk menangkap, masukkan kad memori dengan menghadap ke arah yang betul (16).

Kesilapan kad memori (81)

- Jika mesej ralat yang sama dipaparkan walaupun setelah anda memformat kad memori yang disokong (2) dan telah memasukkannya dengan menghadap ke arah yang betul (16), hubungi Canon Customer Support Help Desk.

Tdk cukup ruang dlm kad

- Tiada ruang kosong yang cukup pada kad memori untuk menangkap (28, 42, 49) atau mengedit imej (73). Sama ada padam imej yang tidak diperlukan (69) atau masukkan kad memori dengan ruang kosong yang mencukupi (16).

Caskan bateri (15)

Tiada gambar.

- Kad memori tidak mempunyai sebarang imej untuk dipaparkan.

Dilindungi! (67)

Imej Tdk Dikenali/JPEG tdk kompatibel/Imej terlalu besar/Tdk blh main balik MOV/Tdk blh main balik MP4

- Imej yang tidak disokong atau rosak tidak boleh dipaparkan.
- Imej yang diedit atau dinamakan semula pada komputer atau imej yang ditangkap menggunakan kamera lain mungkin tidak dapat dipaparkan.

Tidak boleh memperbesar/Ini tdk blh main balik dlm Smart Shuffle/Tidak boleh putar/Tidak boleh ubah imej/Tdk blh edit/Tdk blh menetapkan kategori/Imej tidak boleh dipilih.

- Fungsi berikut mungkin tidak tersedia untuk imej yang dinamakan semula atau diedit pada komputer atau imej yang ditangkap menggunakan kamera lain. Ambil perhatian bahawa fungsi yang bertanda bintang (*) tidak tersedia untuk filem.

Memperbesar* (65), Kocok Pintar* (66), Putar* (71), Kesukaan (72), Edit* (73), Senarai Cetak* (95) dan Persediaan Buku Foto* (97).

Pelbagai pilihan tdk sah

- Apabila menentukan julat untuk pemilihan imej (68, 70, 97), anda cuba memilih imej terawal selepas imej terakhir atau sebaliknya.

Melebihi batas pilihan

- Lebih daripada 998 imej dipilih untuk Senarai Cetak (95) atau Persediaan Buku Foto (97). Pilih 998 imej atau kurang.
- Tetapan Senarai Cetak (95) atau Buku Foto (97) tidak dapat disimpan dengan betul. Kurangkan jumlah imej yang dipilih dan cuba sekali lagi.
- Anda cuba memilih lebih daripada 500 imej dalam Lindung (67), Padam (69), Kesukaan (72), Senarai Cetak (95) atau Persediaan Buku Foto (97).

Kesilapan penamaan!

- Folder tidak dapat diwujudkan atau imej tidak dapat dirakam, kerana jumlah folder terbanyak yang disokong (999) untuk menyimpan imej pada kad telah dicapai dan jumlah imej terbanyak yang disokong (9999) untuk imej dalam folder telah dicapai. Pada tab (1), tukar [Penomboran Fail] ke [Auto reset] (81) atau format kad memori (80).

Kesilapan Lensa

- Ralat ini mungkin terjadi jika lensa dipegang ketika sedang bergerak atau apabila kamera digunakan di lokasi yang berdebu atau berpasir.
- Paparan kerap mesej ralat ini mungkin menandakan kerosakan kamera. Dalam keadaan ini, hubungi Canon Customer Support Help Desk.

Kesilapan kamera terdeteksi (*nombor ralat*)

- Jika mesej ralat ini dipaparkan sejeurus selepas tangkapan, imej mungkin tidak disimpan. Tukar ke mod Main balik untuk memeriksa imej.
- Paparan kerap mesej ralat ini mungkin menandakan kerosakan kamera. Dalam keadaan ini, tulis nombor ralat (*Exx*) dan hubungi Canon Customer Support Help Desk.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



Kesilapan Fail

- Pencetakan yang betul (192) mungkin tidak dapat dilakukan untuk foto daripada kamera lain atau imej yang telah diubah suai menggunakan perisian komputer, walaupun jika kamera bersambung pada pencetak.

Kesilapan cetak


- Periksa tetapan saiz kertas (194). Jika mesej ralat ini dipaparkan walaupun apabila tetapan adalah betul, hidupkan semula pencetak dan lakukan semula tetapan pada kamera.

Ink absorber penuh

- Hubungi Canon Customer Support Help Desk untuk meminta bantuan penggantian penyerap ink.

Maklumat Pada Skrin

Penangkapan (Paparan Maklumat)



- | | |
|---|--|
| (1) Tahap bateri (106) | (11) Tangkapan boleh direkod (115) |
| (2) White balance (52) | (12) Kualiti filem (38) |
| (3) Warna Saya (53) | (13) Baki masa (116) |
| (4) Mod drive (35) | (14) Pembesaran zum digital (33),
Tele-converter digital (55) |
| (5) Mod eko (79) | (15) Julat pemfokusan (54,
55), Kunci AF (58) |
| (6) Pemasa sendiri (33) | (16) Mod penangkapan (107), Ikon
pemandangan (31) |
| (7) Amaran goncangan kamera
(30) | (17) Mod denyar (58) |
| (8) Kaedah pemeteran (51) | (18) Pembetulan mata merah (37) |
| (9) Status sambungan Eye-Fi
(99) | (19) Bingkai AF (55), Bingkai titik
spot AE (51) |
| (10) Mampatan imej pegun (59),
Resolusi (37) | |

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P


5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks




- (20) Cop Tarikh (📖35)
- (21) Kelajuan ISO (📖51)
- (22) i-Contrast (📖52)
- (23) Garisan grid (📖38)
- (24) Kunci AE (📖50), Kunci FE (📖59)
- (25) Kelajuan pengatup
- (26) Nilai apertur
- (27) Tahap pampasan pendedahan (📖50)
- (28) Bar zum (📖28)
- (29) Ikon mod IS (📖32)
- (30) Pengesanan kedip (📖39)
- (31) Zon masa (📖78)
- (32) Penstabilan imej (📖60)
- (33) Bar pampasan pendedahan (📖50)

📖 Tahap Bateri

Ikon atau mesej pada skrin menunjukkan tahap cas bateri.

Paparan	Terperinci
	Pengecasan yang mencukupi
	Hampir habis, tetapi mencukupi
(Berkedip merah)	Hampir habis—cas pek bateri dengan segera
[Caskan bateri]	Habis—cas pek bateri dengan segera

Main balik (Paparan Maklumat Terperinci)



- (1) Filem (📖28, 📖61)
- (2) Mod penangkapan (📖107)
- (3) Kelajuan ISO (📖51), Kelajuan main balik (📖45)
- (4) Tahap pampasan pendedahan (📖50)
- (5) White balance (📖52)
- (6) Histogram (📖63)
- (7) Pemampatan (kualiti imej) (📖59) / Resolusi (📖37), MOV (filem)
- (8) Memindah melalui Eye-Fi (📖99)
- (9) Tahap bateri (📖106)
- (10) Kaedah pemeteran (📖51)
- (11) Nombor folder - Nombor fail (📖81)
- (12) Nombor imej semasa / Jumlah imej keseluruhan
- (13) Kelajuan pengatup (imej pegun), Kualiti imej / Kadar bingkai (filem) (📖38)
- (14) Nilai apertur
- (15) Denyar (📖58)
- (16) i-Contrast (📖52, 📖75)
- (17) Julat pemfokusan (📖54, 📖55)
- (18) Saiz fail
- (19) Imej pegun: Resolusi (📖115) Filem: Masa main balik (📖116)
- (20) Pendeditan imej (📖73)
- (21) Perlindungan (📖67)
- (22) Kesukaan (📖72)
- (23) Warna Saya (📖53, 📖74)
- (24) Pembetulan mata merah (📖37, 📖75)
- (25) Tarikh/Masa penangkapan (📖17)

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P


5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



Tab Penangkapan

Frame AF (📖55)

AiAF Wajah*1

AUTO / P / LIVE /  /  /  /  /  /  /  /  /  /  /  /  /  /  /  /  /  /  /  /  /  /  /  /  /  /  /  /  /  /  /  /  /  /  /  /  /  /  /  /  /  / /

Tab Main balik

Item	Halaman Rujukan
Transisi Slaid	65
Padam	69
Lindung	67
Putar	71
Kesukaan	72
Settin Photobok	97
i-Contrast	75
Koreksi Red-Eye	75
Memotong	73
Tukar Saiz	73
My Colors	74
Transisi	61
Paparan tatal	61
Putaran Auto	71
Sambungan	61

Tab Cetak

Item	Halaman Rujukan
Cetak	-
Pilihan imej & kuantiti	96
Pilih Julat	97
Pilih smua imej	97
Hapus smua pilihan	97
Settin cetak	95

Menu FUNC. Mod Main balik

Item	Halaman Rujukan
Putar	71
Lindung	67
Kesukaan	72
Cetak	92
Main Video	61
Smart Shuffle	66
Cari Imej	64
Transisi Slaid	65

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



Peringatan Pengendalian

- Kamera adalah peranti elektronik berketepatan tinggi. Jangan jatuhkan produk atau dedahkannya kepada hentakan yang kuat.
- Jangan mendekatkan kamera dengan magnet, mesin atau peranti lain yang menghasilkan medan magnet yang kuat, yang mungkin menyebabkan kepincangan atau pemataman data imej.
- Jika titisan air atau kotoran melekat pada kamera atau skrin, lap dengan kain lembut dan kering, seperti kain kaca mata. Jangan menggosok dengan kasar atau menekan dengan kuat.
- Jangan menggunakan pembersih yang mengandungi pelarut organik untuk membersihkan kamera atau skrin.
- Gunakan brus peniup untuk membersihkan debu dari lensa. Jika ia sukar dibersihkan, hubungi Canon Customer Support Help Desk.
- Untuk mencegah pemeluwapan pada kamera setelah perubahan suhu mendadak (apabila kamera dipindahkan dari persekitaran yang dingin ke panas), letakkan kamera di dalam beg plastik kedap udara yang boleh ditutup semula dan biarkan kamera beransur-ansur menyesuaikan diri dengan suhu sebelum mengeluarkannya dari beg.
- Jika pemeluwapan terjadi pada kamera, hentikan penggunaan kamera dengan segera. Kamera mungkin akan rosak jika anda terus menggunakannya dalam keadaan ini. Keluarkan pek bateri dan kad memori dan tunggu sehingga lembapan tersejat sebelum menyambung menggunakannya.
- Sebelum penyimpanan pek bateri untuk jangka masa panjang, gunakan semua baki kuasa bateri, keluarkan bateri dari kamera dan simpan dalam beg plastik atau menggunakan bekas yang serupa dengannya. Simpan pek bateri yang masih mempunyai kuasa untuk jangka masa yang lama (sekitar satu tahun) mungkin memendekkan jangka hayat bateri atau mempengaruhi prestasinya.

Spesifikasi

Spesifikasi Kamera

Piksel Berkesan Kamera (Maks.)	Kira-kira 16 juta piksel
Jarak Fokus Lensa	30x zum: 4.3 (W) – 129.0 (T) mm (bersamaan 35mm filem: 24 (W) – 720 (T) mm)
Monitor LCD	LCD TFT berwarna jenis 3.0 Piksel Berkesan: Kira-kira 230,000 titik
Format Fail	Mematuhi peraturan rekabentuk untuk sistem Fail Kamera, DPOF (versi 1.1)
Jenis Data	Imej Pegun: Exif 2.3 (JPEG) Filem: MOV (Video: MPEG-4 AVC/H.264; Audio: PCM Linear (monaural))
Antara muka	USB berkelajuan tinggi Output audio analog (monaural) Output video analog (NTSC/PAL)
Sumber Kuasa	Pek Bateri NB-11LH Kit Penyesuai AC ACK-DC90
Dimensi (Berdasarkan Garis Panduan CIPA)	104.4 x 69.1 x 80.1 mm (4.11 x 2.72 x 3.15 inci)
Berat (Berdasarkan Garis Panduan CIPA)	Kira-kira 313 g (kira-kira 11.04 auns; termasuk pek bateri dan kad memori) Kira-kira 297 g (kira-kira 10.48 auns; badan kamera sahaja)

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



Jarak Fokus Zum Digital (bersamaan filem 35mm)

Zum Digital [Standard]	24 – 2880 mm (Mewakili gabungan jarak fokus optik dan zum digital.)
Tele-Converter Digital 1.6x	38.4 – 1152.0 mm
Tele-Converter Digital 2.0x	48.0 – 1440.0 mm

Bilangan Tangkapan/Masa Rakaman, Masa Main balik

Bilangan Tangkapan	Kira-kira 190
Bilangan tangkapan (Mod Eko Hidup)	Kira-kira 260
Masa Rakaman Filem* ¹	Kira-kira 50 minit
Masa Rakaman Filem (Penangkapan Berterusan* ²)	Kira-kira 1 jam 30 minit
Masa Main balik	Kira-kira 5 jam









*1 Masa di bawah tetapan lalai, apabila operasi normal dilakukan seperti merakam, menjeda, menghidupkan atau mematikan kamera dan mengezum.

*2 Masa tersedia apabila merakam filem sehingga mencapai panjang maksimum (sehingga rakaman berhenti secara automatik) berulang kali.

- Bilangan tangkapan yang boleh diambil berdasarkan panduan pengukuran dari Camera & Imaging Products Association (CIPA).
- Dalam sesetengah keadaan penangkapan, bilangan tangkapan dan masa rakaman mungkin kurang daripada yang disebut di atas.
- Bilangan tangkapan/masa dengan pek bateri bercas penuh.

Bilangan Tangkapan bagi setiap Kad Memori

Bilangan tangkapan pada nisbah bidang (36) 4:3 bagi setiap kad memori seperti berikut. Ambil perhatian bilangan tangkapan tersedia berbeza mengikut nisbah bidang.

Piksel Rakaman	Nisbah Pemampatan	Bilangan Tangkapan bagi setiap Kad Memori (Anggaran tangkapan)	
		8 GB	32 GB
L (Besar) 16M/4608x3456		1058	4272
		1705	6883
M1 (Sederhana 1) 8M/3264x2448		1996	8059
		3069	12391
M2 (Sederhana 2) 3M/2048x1536		4723	19064
		8469	34184
S (Kecil) 0.3M/640x480		27291	110150
		40937	165225

- Nilai dalam jadual ini adalah berdasarkan kepada keadaan ukuran Canon dan mungkin bertukar bergantung kepada subjek, kad memori dan tetapan kamera.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



Masa Rakaman bagi setiap Kad Memori

Kualiti Imej	Masa Rakaman bagi setiap Kad Memori	
	8 GB	32 GB
	1 jam 11 minit 43 saat	4 jam 49 minit 46 saat
	3 jam 24 minit 26 saat	13 jam 45 minit 52 saat

- Nilai dalam jadual ini adalah berdasarkan kepada keadaan ukuran Canon dan mungkin bertukar bergantung kepada subjek, kad memori dan tetapan kamera.
- Rakaman akan berhenti secara automatik apabila saiz fail klip mencapai 4 GB, atau apabila masa rakaman mencapai sekitar 29 minit dan 59 saat apabila merakam dalam , atau kira-kira 1 jam apabila merakam dalam .
- Bagi sesetengah kad memori, rakaman mungkin berhenti walaupun jika panjang maksimum klip masih belum dicapai. Disarankan menggunakan kad memori SD Speed Class 2 atau yang lebih tinggi.

Julat Denyar

Sudut lebar maksimum (50 cm – 5.0 m (1.6 – 16 kaki)
Telefoto maksimum (1.4 – 3.0 m (4.6 – 9.8 kaki)

Julat Penangkapan

Mod Penangkapan	Julat Fokus	Sudut Lebar Maksimum (Telefoto Maksimum (
AUTO	–	0 cm (0.0 inci) – infiniti	1.4 m (4.6 kaki) – infiniti
Mod lain		5 cm (2.0 inci) – infiniti	1.4 m (4.6 kaki) – infiniti
		0 – 50 cm (0.0 inci – 1.6 kaki)	–
		3 m (9.8 kaki) – infiniti	3 m (9.8 kaki) – infiniti

Tidak tersedia dalam sesetengah mod tangkapan.

Kelajuan Penangkapan Berterusan

Mod Penangkapan	Kelajuan
AUTO P	Kira-kira 0.8 tangkapan/saat
	Kira-kira 3.2 tangkapan/saat

Kelajuan Pengatup

Mod [AUTO] , julat ditetapkan secara automatik	1 – 1/1600 saat
---	-----------------

Apertur

f/nombor	f/3.4 – f/8.0 (W), f/5.8 – f/8.0 (T)
----------	--------------------------------------

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



■ Pek Bateri NB-11LH

Jenis:	Bateri lithium-ion yang boleh diulang cas
Voltan Nominal:	3.6 V DC
Kapasiti Nominal:	800 mAh
Kitaran Pengecasan:	Kira-kira 300 kali
Suhu Operasi:	0 – 40 °C (32 – 104 °F)
Dimensi:	34.6 x 40.1 x 5.2 mm (1.36 x 1.58 x 0.20 inci)
Berat:	Kira-kira 15 g (kira-kira 0.53 auns)

■ Pengecas Bateri CB-2LFE

Input Berkadar:	100 – 240 V AC (50/60 Hz)
Output Berkadar:	4.2 V DC, 0.41 A
Masa Pengecasan:	Kira-kira 2 jam 20 minit (apabila menggunakan NB-11LH)
Penunjuk Pengecasan:	Sedang dicas: jingga / Dicas penuh: hijau (sistem dua penunjuk)
Suhu Operasi:	5 – 40 °C (41 – 104 °F)

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



Indeks

A

AF Servo 57
AiAF Wajah (mod bingkai AF) 56
Aksesori 85

B

Bahasa paparan 18
Bateri
→ Tarikh/masa (bateri tarikh/masa)
Jimat kuasa 23
Bingkai AF 55
Bunga api (mod penangkapan) 43
Bunyi 77

C

Cahaya malap
(mod penangkapan) 43
CameraWindow (komputer) 89

D

Denyar
Aktif 58
Deaktif 59
Synchro P'lahan 58
Deteksi kedip 39
DPOF 95

F

Filem
Kualiti imej
(resolusi/kadar bingkai) 38
Masa rakaman 116
Mengedit 76

G

Garisan grid 38

I

i-Contrast 52, 75
Imej
Jangka paparan 40
Main balik → Melihat
Melindungi 67
Memadam 69
Imej hitam dan putih 53
Imej ton sepia 53
Infiniti (julat pemfokusan) 55

J

Jam 27
Jam dunia 78
Jejak AF 56
Jimat kuasa 23
Julat aspek 36
Julat fokus
Infiniti 55
Makro 54
Julat mampatan (kualiti imej) 59

K

Kabel AV 86, 87
Kad Eye-Fi 2, 99
Kad memori 2
Masa rakaman 116
Kad memori SD/SDHC/SDXC
→ Kad memori
Kaedah pemeteran 51

Kamera

Reset Semua 83
Kandungan Bungkusan 2
Kawalan Pandangan Langsung
(mod penangkapan) 42
Kelajuan ISO 51
Kesan kamera mainan
(mod penangkapan) 46
Kesan mata ikan
(mod penangkapan) 44, 45
(mod penangkapan) 44
Kesukaan 72
Kit penyesuai AC 85, 87
Kocok Pintar 66
Koreksi Red-Eye 37, 75
Kualiti imej
→ Nisbah mampatan (kualiti imej)
Kuasa 85
→ Kit penyesuai AC
→ Pek bateri
→ Pengecas bateri
Kuasa rumah 87
Kunci AE 50
Kunci AF 58
Kunci FE 59
Kunci fokus 55

L

Lalai → Reset semua
Lampu 40

M

Main balik → Melihat
Makro (julat pemfokusan) 54
Melancong dengan kamera 78
Melihat 20
Kocok Pintar 66
Mencari imej 64

Paparan dibesarkan 65
Paparan imej tunggal 20
Paparan indeks 63
Paparan TV 87
Persembahan slaid 65

Melindungi 67
Memadam 69
Memadam semua 70
Memfokus
Bingkai AF 55
Kunci AF 58
Servo AF 57
Titik zoom AF 39
Memotong 73, 93
Memutar 71
Mencari 64
Mengedit
i-Contrast 75
Koreksi Red-Eye 75
Memotong 73
Menukar saiz imej 73
My Colors 74

Menu

Jadual 107
Operasi asas 25
Menu FUNC.
Jadual 108, 113
Operasi asas 24
Menukar saiz imej 73
Menyimpan imej
ke dalam komputer 90
Mesej ralat 104
Mod AUTO
(mod penangkapan) 19, 28
Mod eko 79
Monokrom (mod penangkapan) 46
My Colors 53, 74

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



P

- P (mod penangkapan) 49
- Paparan dibesarkan 65
- Paparan TV 87
- Pek bateri
 - Aras 106
 - Jimat kuasa 23
 - Mengecas 15
 - Mod eko 79
- Pemasa sendiri 33
 - Menyesuaikan pemasa sendiri 34
 - Pemasa sendiri 2 saat 34
 - Pemasa sendiri wajah (mod penangkapan) 47
- Pemasa sendiri wajah (mod penangkapan) 47
- Penangkapan
 - Maklumat penangkapan 105
 - Tarikh/masa tangkapan → Tarikh/masa
- Pencetakan 92
- Pendedahan
 - Kunci AE 50
 - Kunci FE 59
 - Pampasan 50
- Pengatup panjang (mod penangkapan) 47
- Pengecas bateri 2, 85
- Pengganding DC 87
- Penomboran Fail 81
- Penstabilan imej 60
- Penunjuk 26
- Penyelesaian masalah 101

Perisian

- Menyimpan imej ke dalam komputer 90
- Pemasangan 90
- PictBridge 86, 92
- Program AE 49

R

- Reset Semua 83
- Resolusi (saiz imej) 37

S

- Salji (mod penangkapan) 43
- Sangat terang (mod penangkapan) 44
- Settin Photobok 97
- Skrin
 - Bahasa paparan 18
 - Ikon 105, 106
 - Menu → Menu FUNC.

T

- Tali 2, 14
- Tali pergelangan tangan → Tali
- Tarikh/masa
 - Bateri tarikh/masa 18
 - Jam dunia 78
 - Menambah cop tarikh 35
 - Pengecasan 18
 - Tetapan 17
- Tele-converter Digital 55
- Tengah (mod bingkai AF) 55
- Terminal 87, 92
- Transisi Slaid 65

W

- Warna (white balance) 52
- White balance tersuai 53
- White balance (warna) 52

Z

- Zum 19, 29, 33
- Zum digital 33

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P


5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks



Tanda Dagang dan Lesen

- Microsoft dan Windows ialah tanda dagang atau tanda dagang berdaftar dari Microsoft Corporation di Amerika Syarikat dan/atau negara lain.
- Macintosh dan Mac OS ialah tanda dagang dari Apple Inc., didaftar di Amerika Syarikat dan negara lain.
- Logo SDXC ialah tanda dagang SD-3C, LLC.
- Semua tanda dagang lain ialah harta pemilik masing-masing.
- Peranti ini menggabungkan teknologi exFAT yang dilesenkan daripada Microsoft.
- This product is licensed under AT&T patents for the MPEG-4 standard and may be used for encoding MPEG-4 compliant video and/or decoding MPEG-4 compliant video that was encoded only (1) for a personal and non-commercial purpose or (2) by a video provider licensed under the AT&T patents to provide MPEG-4 compliant video. Produk ini dilesenkan di bawah paten AT&T untuk standard MPEG-4 dan mungkin digunakan untuk pengekodan video yang mematuhi MPEG-4 dan/atau penyahkodan video yang mematuhi MPEG-4 yang pengekodannya dibuat hanya untuk (1) tujuan peribadi dan bukan komersial atau (2) oleh pembekal video berlesen di bawah paten AT&T untuk menyediakan video mematuhi MPEG-4. Tiada lesen diberikan atau tersirat apa-apa penggunaan lain untuk standard MPEG-4.

Penafian

- Dilarang mencetak semula, menyebarkan atau menyimpan mana-mana bahagian panduan ini dalam sistem dapatan semula tanpa kebenaran Canon.
- Semua ukuran adalah berdasarkan ujian standard Canon.
- Maklumat seperti spesifikasi produk dan rupa bentuk boleh bertukar tanpa sebarang notis.
- Ilustrasi dan tangkapan skrin dalam panduan ini mungkin berbeza sedikit berbanding dengan peralatan yang sebenar.
- Walaupun jelas tertera di atas, Canon tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian timbul dari penggunaan produk ini.

Sebelum Penggunaan

Panduan Asas

Panduan Lanjutan

1 Asas Kamera

2 Mod Auto

3 Mod Penangkapan Lain

4 Mod P

5 Mod Main balik

6 Menu Tetapan

7 Aksesori

8 Lampiran

Indeks

